

PERCUMA



# buletin Mutiara



1 – 15 Januari 2012

Selamat Menyambut Tahun Baru dan Tahun Baru Cina 2012 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

**GEORGE TOWN** – Sumbangan RM200 Program Anak Emas bukan retorik semata-mata, sebaliknya, ia telah dibuktikan apabila seramai 1,162 anak emas daripada 1,384 yang telah berdaftar telah dirai dan diagihkan sumbangan masing-masing pada 1 Januari lalu di sini.

Majlis penyampaian sumbangan di empat daerah yang dijalankan pada hari sama disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng membabitkan 194 anak emas dari Daerah Barat Daya, Daerah Timur Laut (402), Daerah Seberang Perai Utara (271) dan Daerah Seberang Perai Tengah (295).

Apa yang menarik, ketika majlis penyampaian diadakan, dewan-dewan dan juga auditorium riuh dengan gelak ketawa, tangisan dan juga suara-suara manja anak emas yang masing-masing dibawa oleh ibu bapa. Malah, kesempatan tersebut turut digunakan untuk bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri dan pemimpin-pemimpin negeri yang lain.

Bagi ibu muda kepada seorang cahaya mata, Zanita Othman, 26, sumbangan yang diadakan pada hari pertama tahun 2012 adalah sangat bermakna kerana ia juga merupakan hari lahir anaknya, Nur Herza.

“Sumbangan yang amat bermakna dan umpsama hadiah hari jadi buat Nur Herza yang genap setahun hari ini, ianya akan digunakan untuk simpanan pelajarannya kelak,” begitulah perungkapan gembira dan terharu yang diluahkan Zanita ketika diminta mengulas mengenai pemberian RM200 oleh Kerajaan Negeri sempena Majlis Penyampaian Sumbangan Penghargaan Anak Emas Sesi Pertama Peringkat Daerah Barat Daya di Dewan Balora Mastika, Balik Pulau baru-baru ini.

Lazimnya, Program Anak Emas adalah penghargaan kepada generasi baru yang bakal menjadi pemimpin dan pelapis pada masa akan datang. Justeru, Kerajaan Negeri dijangka memperuntukkan RM5 juta setahun



ZANITA Othman.

berdasarkan rekod Jabatan Kesihatan Negeri yang mencatatkan kira-kira 20,000 kelahiran setiap tahun di negeri ini.

Dalam pada itu, Tio Teng Su, 34, yang mewakili dua orang cahaya mata kembarnya berkata, beliau berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mewujudkan program seumpama ini, sedikit sebanyak dapat membantu keluarga besar yang berpendapatan rendah di negeri ini.

Bagi S. Jagathiswaran dari Permatang Pauh, beliau melahirkan perasaan gembira dan bersyukur kerana anak pertamanya, Sharwin Sitharaaj yang berusia tujuh bulan merupakan antara bayi bertuah yang menerima sumbangan tersebut pada sesi sumbangan pertama program.

Seorang penerima Daerah Timur Laut, Dan Salleh, 40, bersyukur kerana dua daripada anaknya dapat menikmati sumbangan daripada Kerajaan Negeri sekaligus dapat mengurangkan sedikit beban tanggungannya sebagai seorang pemandu lori.

“Syukur Kerajaan Negeri menghargai dan mengambil berat tentang rakyat sekeliling. Duit ini akan digunakan untuk membuka buku akaun simpanan mereka,” ujarnya yang menerima RM200 bagi pihak anaknya, Mohamed Amsyar Iqbal, 11 bulan. Manakala, Nur Anniesa Nasyura, 10 tahun turut layak menerima sumbangan RM100 daripada Kerajaan Negeri kerana bakal melangkah ke tahun empat di bawah Program Pelajar Emas.

## Kerajaan Negeri PR tunai janji – RM200 Program Anak Emas diagihkan



PARA ibu bapa tidak melepaskan peluang untuk merakam detik-detik manis bayi masing-masing bersama Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I pada Majlis Penyampaian Sumbangan Program Anak Emas Peringkat Daerah Barat Daya di Dewan Balora Mastika, Balik Pulau baru-baru ini. Bersempena dengan majlis tersebut, seramai 1,162 bayi yang dilahirkan pada 1 Januari 2011 ke atas telah menerima sumbangan RM200 di bawah pengimplementasian Program Anak Emas daripada Ketua Menteri sendiri di seluruh negeri Pulau Pinang baru-baru ini. Gambar oleh Alissala Thian.

**DAFTARLAH SEKARANG DI PEJABAT ADUN ANDA!**

- Salah seorang ibu atau bapa merupakan pengundi berdaftar di Pulau Pinang.
- Dilahirkan pada 1hb Januari 2011 ke atas.



SERAMAI 24 Ahli Majlis MPSP yang baru dilantik bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri lain selepas selesai Upacara Pengakuan Menerima Jawatan sebagai Ahli Majlis MPSP 2012 di Kompleks MPSP Perda.



KETUA Menteri bersama Mansor Othman (tiga dari kanan), Prof. P. Ramasamy (dua dari kanan), Farizan Darus (kanan sekali) dan Maimumah Mohd. Sharif (kiri sekali) menunjukkan buku 'Fokus 2012' MPSP selepas selesainya Upacara Pengakuan Menerima Jawatan Sebagai Ahli Majlis MPSP 2012.

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

**PERDA** – Seramai 24 orang termasuk empat muka baru dimahsyurkan dalam Upacara Pengakuan Menerima Jawatan Sebagai Ahli Majlis MPSP 2012 di Bandar Perda di sini.

Istiadat tersebut dilangsungkan di depan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Datuk Mansor Othman (Timbalan Ketua Menteri I), Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Lalu Lintas), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Puan Maimunah Mohd. Sharif (Yang DiPertua MPSP) sendiri. Soon Lip Chee, Teoh Seang Hooi, Chandrasekaran a/l S. Maniam, Loh Joo Huat, Ong Koon Liak, Sim Chee Keong, K Visvanathan mengisi senarai pendahulu dari DAP yang dilantik sebagai ahli majlis.

DAP turut mengetengahkan tiga

## MPSP lantik 24 Ahli Majlis termasuk empat muka baru

muka baru lain sebagai ahli majlis, iaitu Tan Xin Ying, Mohd. Shaipol Ismail dan S. Gunalan.

PKR pula mengekalkan senarai ahli majlis sesi lepas. Mereka, Johari Kassim, Ahmad Farid Md. Arshad, Kusala Kumari @ Rynu a/l A Shanmugan, Amir Ghazali, Lim Eng Nam, Abdul Latif Abdullah, Baktiar Apandi Yahya, Aarina Hashim dan Mohamad Zainudin Othman.

Dua ahli majlis, Md. Jamil Abd. Rahman dan Ahmad Kaswan Kasim pula mewakili PAS.

Tiga lain mewakili badan bukan kerajaan (NGO). Mereka, Lim Tau Hoong, Dr. Tiun Ling Ta dan seorang lagi muka baru bernama Admad Tarmizi

Abdullah.

Oon Neow Aun, Tan Cheai Peng, Ramachandran a/l M. Mutiah dan Ideris Ibrahim antara nama yang tidak dilanjutkan pelantikan sebagai ahli majlis, tetapi dihargai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas sumbangan meningkatkan kualiti hidup rakyat di Seberang Perai.

Guan Eng ketika menyampaikan ucaptama berkata, MPSP seharusnya melaksanakan budaya kerja integriti dan pintar demi merealisasikan impian Seberang Perai sebagai bandar pintar bertaraf antarabangsa.

“Kerja kuat sahaja tidak cukup. Kita mesti kerja secara amanah dan secara pintar serta mesti untuk kepentingan

awam (rakyat).

“Kerja keras, kerja beramanah dan kerja pintar. Saya percaya ekspektasi Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) walaupun begitu tinggi tetapi mampu direalisasikan oleh MPSP.

“Negeri ini mampu dijadikan sebagai bandaraya bertaraf antarabangsa (supaya) Pulau Pinang (menjadi) harapan Malaysia,” ujarnya di Dewan Kenangah, Kompleks MPSP Bandar Perda, di sini.

Hadir sama di majlis penuh istiadat tersebut antaranya Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Saleh Man, Lydia Ong Kok Fooi (ADUN Berapit) dan Ong Chin Wen (ADUN Bukit Tengah).

## MPPP kekal lantik 23 Ahli Majlis, Lim Boo Chang gugur

**GEORGETOWN** – Pelantikan semula semua 23 Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dilangsungkan dengan penuh istiadat, tetapi nama Lim Boo Chang digugurkan.

Istiadat ikrar sumpah dan tandatangan terima jawatan tersebut dilangsungkan di depan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Datuk Mansor Othman (Timbalan Ketua Menteri I), Chow Kon Yeow (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Lalu Lintas), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Ar. Patahiyah Ismail (Yang DiPertua MPPP) sendiri di Dewan Bandaraya, di sini.

Seramai 10 ahli majlis mewakili DAP. Mereka, Tan Hun Wooi, Harvindar a/l Darshan Singh, Ong Ah Teong, Tay Leong Seng, Lim Siew

Khim, Zulkifli Mohd. Noor, Lim Cheng Hoe, Teh Lai Heng, Gooi Seong Kin dan Prem Anand a/l Loganathan.

PKR pula diwakili oleh Ooi Keat Hin, Francis a/l Joseph, Ramlah Bee Asuahoo, Tan Seng Keat, Mohd. Rashid Hasnun, Mohd Sabri Md. Osman dan Taufik Sulong.

Kerusi ahli majlis Lim Boo Chang yang juga bekas Ketua Cabang PKR Bukit Gelugor diganti oleh Ng Chek Siang.

Mewakili PAS, Mohamed Yusoff Mohamed Noor dan Iszuree Ibrahim turut dilantik semula sebagai ahli majlis.

Wakil NGO, Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahman, Tahir Jalaluddin Hussain, Dr. Lim Mah Hui dan Sin Kok Siang.

Guan Eng ketika menyampaikan ucaptama berkata, majlis seharusnya membudayakan “kerja tekun, kerja ikhlas dan kerja pintar.”



SERAMAI 24 Ahli Majlis MPPP yang baru dilantik bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selepas selesai Upacara Pengakuan Menerima Jawatan Sebagai Ahli Majlis MPPP 2012 di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

“Segala agenda ini hanya akan dapat dilaksanakan dengan jayanya jika Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Pegawai dan kakitangan MPPP dari semua peringkat dapat memberi kerjasama sebagai satu pasukan.

“Ahli Majlis adalah jambatan antara rakyat dan pentadbiran kerajaan negeri. Oleh itu, harus peka dan jangan sekadar menabur janji jika tak boleh dilaksanakan.

“Untuk menjadikan MPPP efisien, perlu imbang antara

perancangan yang dibuat dengan tanggungjawab sosial (secara) tekun, ikhlas dan pintar,” ujarnya pada Upacara Pengakuan Menerima Jawatan Sebagai Ahli Majlis MPPP 2012 di sini baru-baru ini.



KETUA Menteri bersalaman dengan Ng Chek Siang (kiri sekali) sambil diperhatikan Chow Kon Yeow (tengah) dan Patahiyah Ismail (kanan sekali) selepas selesainya Upacara Pengakuan Menerima Jawatan Sebagai Ahli Majlis MPPP 2012 di sini baru-baru ini.

# Perutusan Tahun Baru 2012

## Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng

“Mari Kita Memeluk Masa Depan Pulau Pinang Yang Lebih Bersih, Hijau Dan Selamat Dan Yang Membawa Rezeki Kepada Mereka Yang Bekerja Secara Kuat, Jujur Dan Bijak.”

SELAMA hampir 225 tahun sejak Pulau Pinang mula muncul dalam persada dunia, nasibnya telah mengalami kemakmuran dan juga kemererosotan. Pulau Pinang makmur apabila kita sedar bahawa sesuatu negeri tanpa apa-apa sumber asli haruslah bergantung kepada sumber manusia dan pembangunan modal insan. Pulau Pinang merosot apabila kita lupa bahawa sumber keistimewaan negeri kita merupakan tenaga, kepakaran dan daya keusahawanan rakyat kita.

Walaupun kerajaan-kerajaan yang telah memerintah Pulau Pinang selama 225 tahun ini telah mengambil pelbagai haluan yang berlainan, negeri kita masih lagi kukuh kerana

hubungan sesama rakyatnya yang dijalankan melalui darah, diuji masa dan didorong oleh semangat hormat kepada kepelbagaiannya. Tradisi keharmonian dan saling hormat-menghormati di antara pelbagai etnik dan budaya yang

dilambangkan dalam pembinaan masjid, gereja, kuil-kuil India dan Cina di sekitar kawasan yang berdekatan, telah diiktiraf oleh UNESCO apabila George Town diberi status Bandar Warisan Dunia pada 7.7.2008. Untuk sebab ini, kita yakin Pulau Pinang mampu mengalahkan golongan pelampau yang menggunakan emosi jijik dan juga mengatasi golongan rasis yang menakutkan rakyat dengan ancaman sama

ada untuk mendominasi atau didiskriminasikan. Mari kita bebas dari diri daripada sikap-sikap pengabaian, tidak peduli dan tidak toleransi.

Pulau Pinang hendak memeluk masa depan. Untuk sebab ini, Pulau Pinang bercita-cita untuk menjadi sebuah negeri yang pintar dan bertaraf antarabangsa demi berdaya saing dalam dunia globalisasi. Sebagai negeri yang tiada sumber asli, kita harus membangunkan sumber manusia dengan melatih, melatih semula, mengelakkan dan menarik modal insan.

Pulau Pinang harus memeluk masa depan yang mapan dengan perumahan mampu milik dan kawasan-kawasan hijau yang lebih. Kita harus memeluk teknologi hijau masa depan, terutamanya tenaga boleh diperbaharui dan tenaga solar. Sementara inisiatif hijau akan berterusan, perumahan mampu milik juga diberi kepentingan. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan jumlah terbesar di kalangan semua kerajaan negeri di Malaysia, iaitu sebanyak RM500 juta untuk Dana Perumahan Mampu Milik demi memastikan anak-anak kita akan dibesarkan dalam keadaan yang selesa dan bermartabat.

Selain itu, sambutan ‘Penang Golden 2012 New Year Eve Countdown’ yang diadakan seawal jam tiga petang turut diserikan dengan persembahan artis-artis tempatan antaranya Vilanz, Aquila & The ‘V’ Voice, Alexis Gan, kumpulan Sofaz, Bunkface dan Azlan & The Typewriter.

Selain acara nyanyian, turut diadakan tarian jalanan, persembahan muzik kontemporari dan pertunjukan bunga api yang dinanti-nantikan oleh pengunjung yang bertandang ke Padang Kota Lama.

Hadir sama ke sambutan ambang tahun baru 2012 adalah barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang diPertua Majlis Perbandaran dan beberapa dif-dif jemputan khas.

Kita harus memeluk masa depan tanpa kemiskinan. Pulau Pinang telah menjadi negeri pertama untuk membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2009 dengan pemberian bantuan kewangan sosial. Tahun depan, kita akan memastikan bahawa setiap keluarga di Pulau Pinang akan menerima pendapatan minima sebanyak RM600 sebulan. Pulau Pinang juga mempunyai hasrat untuk menjadi negeri pertama di Malaysia untuk membasmi



SAMBUTAN menjelang Tahun Baru 2012 di Padang Kota Lama.

## 100,000 sertai sambutan ambang 2012

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Sambutan ambang tahun baru 2012 yang diadakan di Padang Kota Lama baru-baru ini menghimpunkan lebih 100,000 pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat sama ada pengunjung tempatan mahu-pun pengunjung di luar Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng turut tidak melepaskan peluang apabila hadir bersama meraikan kedatangan tahun baru yang pastinya menjanjikan sesuatu yang lebih baik daripada tahun 2011 buat semua warga Pulau Pinang.

Dalam ucapan beliau, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa menjaga rakyatnya sama ada muda maupun tua, murid-murid maupun mahasiswa termasuk golongan yang kurang bernasib baik.

“Suara anda suara penting, suara anda suara keramat,” laung Ketua Menteri yang turut

kemiskinan menjelang 2015.

Kita harus memeluk masa depan yang selamat di mana kadar jenayah adalah rendah dan bandaraya kita selamat untuk wanita dan kanak-kanak. Sementara pihak polis di Pulau Pinang telah bekerja keras untuk mengurangkan kadar jenayah, Kerajaan Negeri juga telah memainkan peranan dengan memasang CCTV dan memulakan program polis masyarakat untuk menjadikan Pulau Pinang negeri yang paling selamat di Malaysia.

Kita harus memperbarui semangat kerja yang kuat, jujur dan bijak. Hanya melalui penubuhan institusi dan kewujudan peluang boleh kita mencetuskan inovasi yang berteraskan teknologi, nilai tambah yang tinggi dan ekonomi berdasarkan pengetahuan.

Kita harus memeluk masa depan yang berintegriti dan bersih. Mengikut laporan Global Financial Integriti yang berpusat di Washington, dari tahun 2000-9 Malaysia telah kehilangan satu dekad dek korupsi berjumlah RM1,007 bilion melalui penyelewengan wang haram. Sebaliknya di Pulau Pinang, kita telah mencapai lebihan bajet setiap tahun dan berjaya menyelamatkan Majlis Perbandaran Seberang Perai daripada kemuflian sejak mengambil alih Kerajaan Negeri dengan pengamalan pentadbiran yang berasaskan prinsip CAT (Cekap, Akauntabel, Telus) yang telah diiktiraf oleh Transparency International.

Mari kita memeluk masa depan Pulau Pinang yang lebih bersih, hijau dan selamat dan yang membawa rezeki kepada mereka yang bekerja secara keras, jujur dan bijak. Selamat Tahun Baru 2012!

**LIM GUAN ENG.**

Oleh: ZULIANA AZIZ

**TANJUNG BUNGAH** – Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang diwujudkan dengan kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memberi peluang kepada peniaga atau penjaja kecil memulakan perniagaan mereka dengan skim pinjaman mudah yang ditawarkan.

PTSR bertujuan memberi satu sistem pelaburan modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan penjaja dan peniaga kecil di negeri ini. Malah, ia juga dapat memberi motivasi kepada setiap peniaga supaya mengubah diri menjadi seorang yang berjaya kelak.

Menurut Penasihat PTSR, Mohd. Sayuti Hassan, pihaknya akan cuba meluluskan pinjaman secepat mungkin kepada setiap permohonan bagi meringankan beban dan memudahkan urusan para peniaga baru mahupun yang sudah berpengalaman.

Skim pinjaman PTSR terbahagi kepada dua jenis iaitu 50 minggu (RM500-RM5,000)

# Usahawan kecil dibantu Kerajaan Negeri

## Syarat-syarat kelayakan bagi pemohon skim PTSR :

- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun
- Memiliki tempat perniagaan
- Mempunyai lesen perniagaan (SSM) yang masih hidup
- Rekod pinjaman terdahulu bersih (bagi peminjam kedua dan seterusnya)
- Satu pinjaman sahaja dalam skim PTSR, satu isi rumah, seorang rakan kongsi dalam perniagaan kongsi

dan 100 minggu (RM500-RM5,000). Peniaga wajib membuat tabungan setiap minggu dan akan sentiasa dipantau oleh pegawai yang terlibat bagi memastikan pengurusan berjalan lancar.

Bagi peniaga yang membuat pinjaman pertama kali, tiada caj perkhidmatan dikenakan, manakala caj perkhidmatan sebanyak lapan peratus akan

dikenakan kepada peminjam kedua dan seterusnya.

Bagi memudahkan peniaga, bayaran balik pinjaman akan dikutip oleh pegawai-pegawai PDC yang terlibat setiap minggu di premis perniagaan masing-masing.

Peniaga juga mendapat keistimewaan dengan diberi perlindungan insuran takaful di samping beberapa perkhidmatan



PARA peserta sedang mengisi borang PTSR hasil inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu peniaga-peniaga kecil tempatan.

yang ditawarkan iaitu khidmat anak cemerlang, khidmat pengurusan perniagaan dan pinjaman jangka panjang.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pejabat PTSR, PDC di talian 04-6340111.



WONG Hon Wai (dua dari kiri) bersama ADUN Jawi, Tan Beng Huat (kiri sekali) dan ADUN Padang Lalang, Michael Tan (kanan sekali) menunjukkan banting kemaskini data perumahan pada sidang media di Komtar baru-baru ini.

blankhttp://spt.penang.gog.my) atau mengisi borang PN/2 secara manual yang boleh didapati di Bahagian Perumahan sendiri, pejabat ADUN dan pejabat Penyelaras Kadun.

Menurut beliau, kira-kira 84,445 pemohon dikenalpasti tidak mengemaskini data pemohonan masing-masing.

Statistik bagi tahun 2008 hingga 22 Disember 2011 mendekakn 26,917 permohonan dibuat di Bahagian

Perumahan.

Sebanyak 4,936 pemohon berjaya memiliki rumah mampu milik. Manakala, 1,419 pemohon lain menerima tawaran memiliki rumah kategori "sub sale".

Seramai 2,138 pemohon yang lain masih dalam proses penawaran dan pemohon dalam senarai menunggu sebanyak 17,949.

"Kalau kita dedah semua angka ini, maka tak benarlah

Pulau Pinang langsung tidak ada rumah kos rendah dan sederhana rendah seperti yang didakwa mereka (pihak pembangkang).

"Sebenarnya, bangunan (perumahan kos rendah dan sederhana rendah) sedang dibina atau rakyat tidak mendapat maklumat yang banyak mengenai ini (seperti lebih 11,000 rumah mampu milik dibina (di Pulau Pinang)," ujarnya.

# Pemohon rumah kos rendah diminta kemas kini data sebelum 31 Mac 2012

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

**GEORGE TOWN** – Semua pemohon rumah kos rendah (KR) atau kos sederhana rendah (KSR) atau projek perumahan rakyat (PPR) diminta mengemaskini data permohonan masing-masing sebelum 31 Mac 2012.

Pengerusi Jawatankuasa Perancang Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai berkata, Bahagian Perumahan yang beroperasi di Tingkat 3, Komtar hanya akan memproses data-data yang

dikemaskini sahaja.

"Usaha kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) sekarang supaya data pemohon kita lebih pendek dan terkini untuk diproses.

"Sekiranya mereka tidak membuat pengemaskinian maka, maklumat mereka akan diasingkan sebagai maklumat yang tidak aktif dan hanya akan diaktifkan semula setelah mereka membuat pengemaskinian, semula," ujarnya di sini.

Pengemaskinian data boleh dibuat secara online melalui eRumah (HYPERLINK "http://spt.penang.gog.my/" \n \_

**BAYAN LEPAS** – Istilah ‘first-come first serve’ (siapa cepat dia dapat) yang menjadi asas bagi pemohonan ‘feed-in tariff’ (FIT) sewajarnya diganti dengan ‘fit for all’ (layak untuk semua) bagi memastikan rakyat Malaysia menikmati faedah 1% cukai yang dibayar kepada nano penjana tenaga bebas atau *nano-independent power producers* (IPPs).

Gesaan tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sempena Forum CEO FIT di Penang Skills Development Centre (PSDC) di sini baru-baru ini.

Guan Eng dengan nada terkilan menyatakan bahawa polisi ‘first-come first serve’ adalah bercanggah dan tidak adil berdasarkan laporan Pihak Berkusa Pembangunan Tenaga Lestari atau Sustainable Energy Development Authority (SEDA) yang menunjukkan bahawa jumlah kuota yang tidak dipenuhi bagi penjana solar fotovolta (PV) ialah 6650 kilowatt per jam. Daripada jumlah tersebut 1650 kilowatt per jam adalah untuk separuh tahun pertama 2013 dan 2500 kilowatt per jam yang berikutnya adalah untuk separuh tahun kedua 2013 dan separuh tahun pertama 2014.

Ketua Menteri turut menegaskan bahawa SEDA perlu meningkatkan kuota setara dengan pertumbuhan pesat industri tersebut dan sambutan yang diberikan terhadap FIT serta

# SEDA digesa kaji semula polisi FIT

memberi peluang kepada yang layak menikmati faedah tersebut.

“Polisi ‘first-come first serve’ tidak seharusnya digunakan. ‘Fit for all’ lebih efektif dan lebih adil kepada semua rakyat Malaysia termasuk warga Pulau Pinang,” ujar beliau dalam sidang media yang diadakan sejurus selepas forum tersebut.

Hadir sama, Pengarah Urusan Gading Kencana, Guntor Tobeng; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus; Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim, Pengarah Besar InvestPenang, Loo Li Lian dan Ketua Pegawai Komunikasi SEDA, Chen Wei Nee.

Beliau menambah bahawa Malaysia telah lama melaksanakan FIT sebagai salah satu alternatif bagi menggalakkan penjanaan tenaga yang boleh diperbaharui termasuk daripada sumber solar, hidro, biogas mahupun biomas.

“FIT adalah kadar yang dibayar untuk setiap unit kilowatt per jam bagi setiap unit tenaga elektrik yang dijana oleh sumber-sumber yang boleh diperbaharui. Sehingga hari ini, FIT merupakan salah satu mekanisme yang paling berjaya untuk merangsang pembangunan pesat industri tenaga yang boleh diperbaharui.

“Negara-negara seperti

Jerman, Sepanyol, Amerika Syarikat, Denmark dan 40 buah negara lain di dunia telah lama mempelopori dasar-dasar FIT yang ternyata memacu pertumbuhan pesat dengan kadar kos penyelenggaraan yang minimum dan paling efektif,” jelasnya.

Katanya, pelaksanaan FIT mampu memberi peluang kepada penggiat industri tenaga yang boleh diperbaharui terutama IPPs sedia ada untuk menambah pendapatan. Anggaran penjanaan sekurang-kurangnya RM70 bilion (sektor swasta) ini akan diterjemahkan ke cukai pendapatan



SEDA merupakan salah sebuah organisasi yang terlibat dengan pelaksanaan FIT di Malaysia.

sekurang-kurangnya RM1.76 bilion pada tahun 2020 kelak.

“Manakala bagi syarikat utiliti tenaga seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), akan wujud portfolio yang lebih rendah bagi kos penjanaan elektrik dengan penggunaan sumber tenaga bebas dalam jangka panjang. Cukai berjumlah 1% akan dikenakan ke atas pelanggan TNB yang menggunakan 300 kilowatt per jam atau secara kasarnya RM77

setiap bulan bagi pembayaran FIT,” ujar Guan Eng.

Oleh demikian, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri kini dalam usaha untuk menarik lebih ramai IPPs untuk menceburi industri pembaharuan tenaga ini di Pulau Pinang. Malah Kerajaan Negeri sedang menimba bangun beberapa bentuk insentif antaranya penyediaan tapak (tanah) bagi tujuan pembangunan IPPs.

“Pulau Pinang turut menyumbang hampir RM20 juta bagi tujuan FIT setiap tahun. Jadi adalah tidak adil jika IPPs dan rakyat Pulau Pinang tidak berkesempatan dan tidak diberi peluang untuk menikmati faedah FIT,” ujar Ketua Menteri di hadapan kira-kira 200 individu daripada pelbagai latar belakang dalam industri tenaga dan utiliti,” katanya.

## YIPP bantu KN perkasakan Ummah

Oleh: NORSHAHIDA YUSOF

**GEORGE TOWN** – Bagi menterjemahkan cita-cita dan hasrat Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat untuk mengembalikan keagungan pembangunan Islam Pulau Pinang, inisiatif khas berhubung penubuhan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) telah diimplementasikan.



MANSOR Othman (depan, kanan) dan wakil dari Koperasi ANNUR (depan, kiri) berjabat tangan pada Majlis Penubuhan YIPP di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, YIPP ditubuhkan berteraskan tiga agenda utama untuk memperkasakan ummah iaitu Pembangunan Insan, Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Hartanah. Ketiga skop yang saling melengkap ini akan menjadi pemangkin kepada YIPP untuk terus merealisasikan agenda Kerajaan Negeri terutamanya di dalam bidang pembangunan modal insan.

“Antara pendekatan yang telah dilaksanakan oleh kita (Kerajaan Negeri) termasuklah menggiatkan program dakwah

dan pendidikan, mempertingkatkan sekolah-sekolah pondok, pengiktirafan kepada para huffaz dengan harapan lebih ramai umat Islam yang benar-benar memahami Al-Quran dapat

dilahirkan. Majlis Syura juga ditubuhkan bagi memantapkan lagi pengurusan hal ehwal agama Islam di negeri ini dan penubuhan Halal-Hub.

Dalam majlis yang sama, empat Memorandum Persefahaman (MoU) turut dimeterai bersama, antaranya dengan

Koperasi Ibnu Auf dari Wilayah Satun, Thailand dalam bidang perdagangan dan mikro-kredit dan Koperasi ANNUR Pulau Pinang Berhad bagi memajukan tanah di Sungai Chenaam, Sungai Aceh, Nibong Tebal bagi menyediakan bantuan perumahan kepada 140 rakyat termiskin.

Tambahnya, MoU bersama UDA Holdings, Institut Latihan Dakwah Pulau Pinang, International Muslim School, Singapura, Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang dan bank-bank tempatan bagi skim mikro-kredit akan turut ditandatangani.

“Kerajaan yakin cita-cita untuk mengembalikan keagungan Islam di seluruh Pulau Pinang akan dapat dicapai dengan perancangan dan pelaksanaan yang teratur,” katanya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Abdul Malik Abul Kassim, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Mufti Pulau Pinang, Datuk Hassan Ahmad.

## Pusat digesa laksana polisi bersara 60 tahun sektor swasta

**GEORGE TOWN** – Kerajaan pusat digesa mempertimbang cadangan untuk melanjutkan usia persaraan kakitangan swasta sehingga 60 tahun sebagaimana yang diamalkan dalam sektor awam.

Menurut Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, amalan melanjutkan usia persaraan pekerja melewati 60 tahun sebenarnya telah lama diamalkan di negara-negara maju.

“Kebanyakan negara Eropah menetapkan 65 (tahun) sebagai umur persaraan, manakala Amerika Syarikat dan Jerman menetapkan (usia persaraan pada) 67 tahun.

“Negara jiran kita seperti Thailand pun sudah menetapkan 60 (tahun) sebagai umur persaraan,” ujarnya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Katanya lagi, pekerja yang berumur sekitar 55 hingga 60 tahun sebenarnya berada dalam zaman

paling produktif dan pengalaman mereka haruslah digunakan secara optimum.

Beliau berkata, pelaksanaan polisi negara-negara maju tersebut sekaligus dapat membantu menyelesaikan masalah hutang isi rumah rakyat yang kian kronik sebagaimana didedah dalam Laporan Tahunan Bank Negara 2010.

“Jumlah hutang isi rumah setakat akhir tahun 2010 berada di tahap RM581 bilion atau pun 76 peratus dari KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar).

“Ini bermakna, Malaysia mempunyai tahap hutang isi rumah yang kedua paling tinggi di Asia selepas Korea Selatan.

“Dengan hutang isi rumah yang tinggi di Malaysia dan tanpa apa-apa pertolongan daripada kerajaan persekutuan BN yang sendiri berhutang piutang, rakyat terpaksa bekerja lebih lama untuk menampung diri dan keluarga,” ujarnya.

Oleh: ZULIANA AZIZ  
Gambar: LAW SUUN TING

**SEBERANG PERAI** – Mungkin ramai yang tidak mengetahui mengenai kewujudan Tapak Semaian Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang terletak di Sungai Puyu, Seberang Perai Utara. Di sinilah terletaknya ribuan pokok bagi memenuhi keperluan ke arah menghijaukan negeri ini supaya lebih indah, bersih dan sejuk mata memandang.

Tapak semaian ini telah dibina kira-kira 20 tahun lalu oleh pihak MPSP yang menempatkan lebih daripada 200 spesies pokok untuk dijual secara borong, disewa dan diberikan kepada pihak-pihak yang memerlukan.

Menurut jurucakap MPSP, Soon Lip Chee, pihaknya seringkali menerima permintaan atau permohonan untuk menyewa pokok-pokok yang terdapat di tapak semaian bagi tujuan pengindahan kawasan yang terlibat.

“Pihak MPSP akan memberi sewa pada kadar yang sangat berpatutan kepada mereka yang memohon untuk menyewa terutama pihak sekolah, masjid,



SALAH satu jenis pokok spesies halia liar yang terdapat di tapak semaian.



KERJA-kerja penyiraman pokok sedang dilakukan.

# Tapak semaian MPSP ke arah menghijaukan Pulau Pinang



tokong-tokong Cina dan Hindu, kilang-kilang dan persatuan-persatuan yang berkenaan. Adakalanya, kami terus dermakan pokok-pokok tersebut jika didapati mereka layak untuk menerimanya,” ujar beliau kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, penanaman pokok-pokok di pinggir jalan raya, taman permainan, tanah lapang dan persimpangan yang kosong sangat penting selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang mahu Pulau Pinang menjadi

negeri bersih dan hijau pertama di Malaysia.

Selain itu, penanaman pokok-pokok juga dapat menceriakan dan mengindahkan bukan sahaja di Seberang Perai, malah, di seluruh negeri ini sekaligus dapat menjadikan Pulau Pinang sebagai tempat



PINTU masuk ke Tapak Semaian MPSP.

**PERMOHONAN RUMAH KOS RENDAH / SEDERHANA RENDAH**

## SILA KEMASKINI MAKLUMAT ANDA!

申请廉价屋 / 中廉价屋  
请更新您的资料

நடுத்தர மலிவு விலை வீட்டுகளுக்கான விண்ணப்பம்  
உங்கள் விபரங்களைப் புதுப்பித்துக்கொள்ளுங்கள்

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web <http://erumah.penang.gov.my>  
atau Tel: 04-650 5392 / 04-650 5336 Emel: [erumah@penang.gov.my](mailto:erumah@penang.gov.my)



BAHAGIAN PERUMAHAN  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
TINGKAT 20, KOMTAR  
10503 PULAU PINANG



**MULAI DARI 15 DISEMBER 2011 KE 31 MAC 2012**

**Permohonan sebelum tahun 2008 perlu dikemaskini maklumat. Selepas dikemaskini, baru layak untuk ditawarkan rumah.**

Borang pengemaskinian PN2 boleh didapati di:

- Pejabat Wakil Rakyat
- Pejabat Daerah Dan Tanah
- Pejabat Rancangan Perumahan
- Bahagian Perumahan Tingkat 3 dan 20, Komtar

**从2011年12月15日至2012年3月31日**

**只有在2008年前申请者需要更新资料，  
只有在资料更新后才有资格获得献议房屋。**

**更新表格(PN2)可在以下地点获得：**

- 人民代议士办公室
- 县属办公室
- 政府组屋房屋部办公室
- 光大3楼和20楼房屋部

**15 டிசம்பர் 2011 முதல் 31 மார்ச் 2012 வரை**

2008-ஆம் ஆண்டிற்கு முன்னர் விண்ணப்பித்தவர்கள் விபரங்களைப் புதுப்பிக்க வேண்டும். புதுப்பிக்கப்பட்ட மிறகே வீடுகள் பெற தகுதி பெறுவர்.

விண்ணப்பப் படிவங்கள் (பி.என்.2) இவ்விடங்களில் பெறலாம்:

- மக்கள் பிரதிநிதிகளின் அலுவலகம்
- நீல மற்றும் வட்டார் அலுவலகம்
- விட்டமைப்பு நிட்டத்தின் அலுவலகம்
- விட்டமைப்பு பிரிவு 3 மற்றும் 20-ஆம் மாடி, கொம்தார்



SOON Lip Chee menunjukkan pokok bunga jarum.

pelancongan utama pilihan pelancong asing.

Setiap pokok yang terdapat di tapak semaian ini dijaga rapi oleh enam orang pekerja termasuk seorang mandor. Pokok-pokok akan dibaja dan disemai setiap pagi bagi memperbanyak lagi spesies pokok yang terdapat di sini.

Bagi mereka yang ingin menyewa atau membeli pokok-pokok di tapak semaian ini, bolehlah mengisi borang di kaunter MPSP bagi mendapatkan tawaran harga yang sangat murah dan berpatutan.

# 71 anggota PPS pertingkat keselamatan penduduk

**PENANTI** – Bagi membantu pasukan keselamatan negara menjaga keamanan dan keselamatan di peringkat komuniti setempat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif khas menubuhkan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) September lalu di sini.

Majlis pelancaran yang diadakan secara serentak di lima daerah memperlihatkan seramai 71 PPS sesi pertama menerima sumbangan peralatan khas seperti ves, *walkie talkie* dan sijil pelantikan rasmi daripada pihak Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap unit berkenaan dapat bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi mengurangkan lagi kadar jenayah di negeri ini.

“Walaupun jenayah semakin berkurangan di Pulau Pinang, kita wujudkan juga unit ini untuk mempertingkatkan keselamatan dan kebijakan di kawasan tempat



tinggal kita,” katanya pada Majlis Pelancaran PPS Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) di sini baru-baru ini.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Menteri I yang juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Penanti, Datuk Mansor Othman, ADUN Berapit, Lydia Ong Kok Fooi, ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen, ADUN Machang

MANSOR Othman (dua dari kanan) menyampaikan *walkie talkie* dan surat pelantikan kepada salah seorang PPS Seberang Perai Tengah sambil diperhatikan Ketua Menteri (tiga dari kanan).

Bubuk, Datuk Tan Hock Leong dan ADUN Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man dan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Seramai 71 anggota PPS telah mula berkhidmat di seluruh negeri, 26 anggota di Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya (7), Daerah Seberang Perai Utara (15), Daerah Seberang Perai Tengah (12) dan Daerah Seberang Perai Selatan (11).

## Atasi kesesakan, Jalan Masjid Negeri dinaiktaraf

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

**GEORGE TOWN** – Masalah kesesakan di Jalan Masjid Negeri dan kawasan sekitarnya pada waktu puncak bakal diatasi dengan penambahbaikan Projek Fasa 1 yang telah dimulakan awal tahun 2011.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek Fasa 1 berkenaan yang menelan belanja sebanyak RM37 juta itu bakal melancarkan aliran trafik di kawasan terbabit dan memudahkan perjalanan pengguna jalan raya terutamanya pada waktu puncak.

“Pembangunan yang pesat di Pulau Pinang serta pertumbuhan kenderaan yang mengiringinya pada kadar melebihi enam peratus setahun memerlukan infrastruktur dinaiktaraf. Memandangkan ketiadaan Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang dan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang yang dijangka disiapkan akhir

tahun 2013, tindakan-tindakan awal perlu diambil.

“Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri juga akan membina infrastruktur utama seperti *bypass* dan jalan berkembar untuk mengurangkan kesesakan. Perhentian bas, laluan pejalan kaki dan kawalan lampu isyarat juga akan turut dinaiktaraf dan diwujudkan,” katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Tambahnya, selain kerja menaiktaraf Jalan Masjid Negeri, fasa ini juga akan mewujudkan lorong tambahan di Jalan Scotland, Jalan Air Itam, Jalan Utama, Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal yang merupakan antara jalan-jalan lingkarluar George Town.

“Fasa 2 yang melibatkan pembinaan jejambat dan jalan bawah di Persimpangan Jalan Masjid Negeri akan ditangguhkan sehingga keperluan melaksanakannya dikenalpasti kelak,” ujarnya.



**PEMANGKU** Timbalan Pengarah Kejuruteraan MPPP, Ir. P.A. Rajendra (kiri) menerangkan pelan cadangan Projek Fasa 1 dan 2 kepada Ketua Menteri dan Exco-Exco Kerajaan Negeri pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

## Pulau Pinang memimpin di bawah Pakatan Rakyat


### URUS TADBIR & PENGURUSAN KEWANGAN CEMERLANG

BARISAN NASIONAL	Sehingga Mac 2008	RM630 juta
PAKATAN RAKYAT	Dari Mac 2008 sehingga Oktober 2011	RM29 juta

Pengurangan **95%** dalam tempoh 42 bulan.

#### LEBIHAN / DEFISIT (SEBENAR)

2000 SEHINGGA 2010



Defisit Sebanyak RM230juta Selama 8 Tahun

1

- Kurangkan hutang negeri Mac 2008 : RM630 juta Sept 2011 : RM 29 juta

- Pengurangan RM600 juta atau 95% dalam 3 1/2 tahun, terbaik di Malaysia.

- Pengurangan 95% dalam tempoh 42 bulan.

- Negeri pertama dalam sejarah Malaysia mendapat pengiktirafan 'Transparency International' kerana urus tadbir CAT.

- Negeri pertama mengamalkan sistem tender terbuka.

- Menyelamatkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari bankrap.

(Rujuk statistik di kiri)

## Tugu Demokrasi simbol Pulau Pinang ke arah era rakyat

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

**BUTTERWORTH**—Pemahsyuran Taman Kota Tugu Demokrasi Bagan, di sini, membuktikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited membawa negeri berkenaan “Ke Arah Era Rakyat”

Ketua Menterinya, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, komitmen Kerajaan Negeri antaranya membina sudut pidato khas di taman berkenaan.

“Ini adalah hak demokrasi. Kita memberikan hak untuk bersuara kepada seluruh rakyat Pulau Pinang.

“(Pembinaan Tugu Demokrasi ini juga) sebagai tanda penghormatan pada penduduk Bagan kerana cintai dan berani membela demokrasi,” ujarnya di Majlis Pelancaran Tugu Demokrasi Bagan di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, Kerajaan Negeri tidak akan menghalang demokrasi rakyat sebagaimana yang diamalkan oleh kerajaan pusat yang diteraju Barisan Nasional sekarang ini.

Beliau berkata, pembinaan tugu demokrasi dan sudut pidato itu sebenarnya diilhamkan oleh Penasihat DAP Kebangsaan, Lim Kit Siang pada tahun 1995 lalu.

Upacara pecah tanah dilakukan pada 10 Julai tahun lepas dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diberi tanggungjawab untuk membina prasarana rakyat tersebut.

Selain Sudut Pidato, beberapa wakaf dan taman permainan kanak-kanak dan balapan jalan kaki turut dibina untuk rekreasi rakyat setempat.



WAKAF dan taman permainan kanan-kanak antara kemudahan awam yang disediakan oleh MPSP di Tugu Demokrasi Bagan.

## Pulau Pinang memimpin di bawah Pakatan Rakyat

### KEBAJIKAN

Negeri pertama di Malaysia memperkenalkan program-program kebajikan rakyat :

No. Program	Bentuk Bayaran (RM)
1. Program Penghargaan Warga Emas (PPWE) untuk warga emas berusia 60 tahun dan ke atas	RM100 setiap tahun
2. Program Penghargaan OKU / Ibu Tunggal	RM100 setiap tahun
3. Program Rakan Anti-Kemiskinan	'Top-up' bagi memastikan pendapatan isi rumah RM600 sebulan
4. Sumbangan Khairat Kematian kepada waris warga emas berdaftar sebagai pengundi	RM1,000 'one-off'
5. Program Anak Emas Bagi anak yang dilahirkan pada 1 Januari 2011 ke atas	RM200 'one-off'
6. Program Pelajar Emas Bantuan pelajar sekolah tahun 1 dan tahun 4 serta tingkatan 1 dan tingkatan 4	RM100 'one-off'
7. Program IPTA Emas Anak kelahiran negeri yang diterima memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA)	RM1,000 'one-off'
8. Bantuan Bencana dalam tempoh 24 jam	
9. Pusat Dialisis termurah	RM30 bagi setiap rawatan *
10. Rebet bekalan air kepada tempat ibadat	RM5 kepada rumah ibadat dengan bil penggunaan kurang daripada RM50 manakala RM10 kepada bil penggunaan mencecah RM50 ke atas
11. Program Mikro Kredit	Maksimum RM5,000
12. Lesen penjaja dan nelayan	Diskaun 50%
13. Pusat Latihan dan Bantuan Kerjaya (CAT Centre) membantu mereka yang dibuang kerja atau mencari kerja	Peruntukan RM10 juta



OKU juga merupakan antara golongan yang dihargai Kerajaan Negeri.



PROGRAM Penghargaan Warga Emas mendapat sokongan penuh rakyat Pulau Pinang.



PELAJAR-pelajar tahun 1 dan 4 layak memperoleh sumbangan RM100 'one-off' daripada Kerajaan Negeri di bawah Program Anak Emas.



IBU tunggal kepada empat cahaya mata, S.Komathy menganggap pemberian RM100 sebagai satu rahmat bagi membolehkan anak-anaknya merasai suasana sambutan Deepavali baru-baru ini.

ROHAYU Mohamad Salleh antara penerima pinjaman PTSR Kerajaan Negeri.

## Pulau Pinang memimpin di bawah Pakatan Rakyat

### PENDIDIKAN

- Menubuhkan Hab Pendidikan seluas 200 ekar.
- Pengiktirafan dan wang ganjaran kepada pelajar cemerlang SPM dan STPM serta martabatkan para huffaz
- Tubuhkan Majlis Sains Pulau Pinang
- Sedia tanah untuk pembinaan Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan mualigh.
- Pecahan peruntukan Kerajaan Negeri untuk pembangunan sekolah-sekolah SAR, Cina, Tamil dan mualigh (RM) :

Bil. Tahun	Sek. Cina & Mualigh (90 SJK (C) ; 10 SMJK ; 5 SM Persendirian ; 24 SK & SMK Mualigh) (RM juta)	Tamil 28 SJK (T) (RM juta)	18 Sek. Agama Rakyat (RM juta)	Jumlah (RM juta)
1. 2009	5.5	1.5	1.5	8.5
2. 2010	7.8	1.75	1.75	11.3
		(termasuk 2 Sek. Punjabi)	(termasuk sumbangan untuk guru-guru)	
3. 2011	8.5	1.75	1.75	12



STRUKTUR lama Sekolah Agama Rakyat Madrasah Al Aminiah (SARMAA), Permatang Pauh.



SUMBANGAN Kerajaan Negeri telah berjaya menampung sebahagian pembinaan bangunan tiga tingkat (kanan) Methodist Boys School (MBS). Turut kelihatan, bangunan asal sekolah.



BANGUNAN MBS baru yang dalam proses pembinaan.



GABUNGAN bangunan baru dan lama SJK (C) Chong Teik, Balik Pulau.



SARMAA merupakan SAR pertama di negeri ini yang memiliki makmal sains.



BANGUNAN baru SARMAA.



SJKT Azad yang sebelum ini beroperasi di sebuah bilik besar bawah tanah.



SEBIDANG tanah bernilai RM1.4 juta disumbangkan Kerajaan Negeri bagi menitaraf kemudahan pembelajaran di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Azad.

## Pulau Pinang memimpin di bawah Pakatan Rakyat

### HAL EHWAL AGAMA ISLAM

	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)
<b>BARISAN NASIONAL</b>	<b>2008</b>	<b>12.5</b>
<b>PAKATAN RAKYAT</b>	2009	20.5
	2010	24.3
	2011	63.21
	2012	64.00

• Jumlah peruntukan Hal Ehwal Agama Islam yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperlihatkan peningkatan 100% berbanding peruntukan di bawah pentadbiran Barisan Nasional.



PARA huffaz di Pulau Pinang turut diiktiraf pencapaian mereka.



SABAN tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan kira-kira RM1.75 juta bagi tujuan pembangunan fasiliti Sekolah Agama Rakyat Negeri Pulau Pinang.



GURU-guru KAFA turut menikmati insentif hasil urus tadbir Kerajaan Negeri yang cekap, akauntabel dan telus.



PENGURUSI Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kiri) menyampaikan cek sumbangan Ihya Ramadhan sambil diiringi oleh Ketua Menteri (tiga dari kanan), Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (dua dari kanan), ADUN Sungai Bakap, Makhtar Shapee (kiri sekali) dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (tiga dari kiri).



INSTITUSI masjid kini diiktiraf dan dimartabatkan fungsinya.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng <a href="mailto:limguaneng@penang.gov.my">limguaneng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 829 0614
PENANTI YB Tuan Mansor Othman <a href="mailto:mansor@penang.gov.my">mansor@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 522 1463 (F) 04 - 522 1463
PERAI YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy <a href="mailto:ramasamy@penang.gov.my">ramasamy@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 650 5134 (F) 04 - 261 8715
PADANG KOTA YB Tuan Chow Kon Yeow <a href="mailto:chowkonyeow@penang.gov.my">chowkonyeow@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 228 8514
BATU MAUNG YB Tuan Abdul Malik Abul Cassim <a href="mailto:abdmalik@penang.gov.my">abdmalik@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAI YB Tuan Lim Hock Seng <a href="mailto:limhockseng@penang.gov.my">limhockseng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Tuan Law Heng Kiang <a href="mailto:lawhengkiang@penang.gov.my">lawhengkiang@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Tuan Phee Boon Poh <a href="mailto:pheeboonpoh@penang.gov.my">pheeboonpoh@penang.gov.my</a> ; <a href="mailto:pheeboonpoh@yahoo.com">pheeboonpoh@yahoo.com</a>	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
BUKIT TAMBUN YB Tuan Law Choo Kiang <a href="mailto:lawchookiang@penang.gov.my">lawchookiang@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Tuan Wong Hon Wai <a href="mailto:wonghonwai@penang.gov.my">wonghonwai@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Puan Ong Kok Fooi <a href="mailto:ongkokfooi@penang.gov.my">ongkokfooi@penang.gov.my</a>	(T) 019 - 481 7823 (T) 016 - 401 3507
DATO' KERAMAT YB Tuan Jagdeep Singh DEO <a href="mailto:jagdeepsinghdeo@penang.gov.my">jagdeepsinghdeo@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
PANTAI JEREJAK YB Tuan Sim Tze Tzin <a href="mailto:simtzelin@penang.gov.my">simtzelin@penang.gov.my</a>	(T) 019 - 443 2088 (F) 04 - 641 3088
MACHANG BUBOK YB Tuan Tan Hock Leong <a href="mailto:hiltan@penang.gov.my">hiltan@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 552 1366 (F) 04 - 552 1366
TANJONG BUNGAH YB Tuan Teh Yee Cheu <a href="mailto:dappenang.cagw.teh@gmail.com">dappenang.cagw.teh@gmail.com</a>	(T) 017 - 472 9990 (F) 04 - 228 8514
JAWI YB Tuan Tan Beng Huat <a href="mailto:tanbenghuat2000@yahoo.com">tanbenghuat2000@yahoo.com</a>	(T) 04 - 598 1877 (F) 04 - 598 1877
PENGKALAN KOTA YB Tuan Lau Keng Ee <a href="mailto:dappengkalankota@gmail.com">dappengkalankota@gmail.com</a>	(T) 04 - 250 1521 04 - 2501522 (F) 04 - 2501523
BAGAN DALAM YB Tuan Tanaseharan a/l Autheraphy <a href="mailto:atana@first.net.my">atana@first.net.my</a>	(T) 04 - 538 1162 (F) 04 - 537 1163
KEBUN BUNGA YB Tuan Ong Khan Lee <a href="mailto:jason_olk@yahoo.com">jason_olk@yahoo.com</a>	(T) 04 - 818 2008 (F) 04 - 818 2008
SUNGAI BAKAP YB Tuan Hj. Maktar Hj. Shapree <a href="mailto:adun.dunsbakap@yahoo.com">adun.dunsbakap@yahoo.com</a>	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Tuan Ng Wei Aik <a href="mailto:ngweiak@gmail.com; nweiaik@gmail.com">ngweiak@gmail.com; nweiaik@gmail.com</a>	(T) 04 - 227 0215 (F) 04 - 227 8215
PADANG LALANG YB Tuan Tan Cheong Heng <a href="mailto:michael@dappenang.com.my">michael@dappenang.com.my</a>	(T) 04 - 502 5071 (F) 04 - 508 9711
PAYA TERUBONG YB Tuan Yeoh Soo Hin <a href="mailto:clementyeoh@hotmail.com">clementyeoh@hotmail.com</a>	(T) 04 - 229 2105 (F) 04 - 226 2550
PULAU TIKUS YB Tuan Koay Teng Hai <a href="mailto:koaytenghai@gmail.com">koaytenghai@gmail.com</a>	(T) 04 - 226 3227 (F) 04 - 226 3227
PERMATANG PASIR YB Tuan Hj. Salleh Man <a href="mailto:adunptgpasir@gmail.com">adunptgpasir@gmail.com</a>	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Tuan Ong Chin Wen <a href="mailto:pkrbkitengah@gmail.com">pkrbkitengah@gmail.com</a>	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
SUNGAI PINANG YB Tuan Koid Teng Guan <a href="mailto:tgkoid@gmail.com">tgkoid@gmail.com</a>	(T) 010 - 464 3308 (F) 04 - 282 8322
BATU UBAN YB Tuan Raveentharan a/l Subramiam <a href="mailto:raveenkeadian@gmail.com">raveenkeadian@gmail.com</a>	(T) 04 - 659 6007 (F) 04 - 658 6007 04 - 2628188
SERI DELIMA YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji <a href="mailto:rsnjayer@gmail.com">rsnjayer@gmail.com</a>	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611
DAP PENANG HQ <a href="mailto:dappg@streamyx.com">dappg@streamyx.com</a>	(T) 04 - 228 8482 04 - 227 1397 04 - 227 7068 (F) 04 - 228 8514

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Dato' Haji Azhar Ibrahim	(T) 04 - 310 3100 (F) 04 - 323 8017
BERTAM YB Puan Hajah Zabariah Wahab	(T) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Dato' Haji Roslan Saidin	
PERMATANG BERANGAN YB Tuan Haji Shabudin Yahya	(T) 04 - 573 4630 (F) 04 - 570 1997
SUNGAI DUA YB Dato' Haji Jasmin Mohamed	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Dato' Hjh. Jahara Hamid <a href="mailto:jahara.hamid@gmail.com">jahara.hamid@gmail.com</a>	(T) 04 - 351 3675 (F) 04 - 351 4389
SEBERANG JAYA YB Datuk Arif Shah Haji Omar Shah <a href="mailto:arif@arifshah.com">arif@arifshah.com</a>	(T) 04 - 398 0185
SUNGAI ACHEH YB Dato' Mahmud Zakaria <a href="mailto:datomahmud@umpangroup.com.my">datomahmud@umpangroup.com.my</a>	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Tuan Syed Amerruddin Dato' Syed Ahmad	
PULAU BETONG YB Tuan Sr. Haji Muhammad Farid Saad	
TELUK BAHANG YB Dato' Seri Dr. Haji Hilmi Hj Yahya	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Hj Rosidi Bin Hussain <a href="mailto:albertami@yahoo.com">albertami@yahoo.com</a> 019-4704 800	(T) 04 - 575 6577 04 - 575 8578 (F) 04 - 575 8578
BERTAM Asrol Sani Bin Abdul Razak <a href="mailto:asrolsani2006@gmail.com">asrolsani2006@gmail.com</a>	(T) 013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad <a href="mailto:hadiputra78@yahoo.com">hadiputra78@yahoo.com</a>	(T) 019-437 2887
PERMATANG BERANGAN Arshad Bin Md Salleh <a href="mailto:arshad.salleh@yahoo.com">arshad.salleh@yahoo.com</a>	(T) 019 - 510 2633
SUNGAI DUA Mohd. Fahmi Abd. Wahab <a href="mailto:krissoft.engineer@yahoo.com">krissoft.engineer@yahoo.com</a>	(T) 04 - 575 1085 (F) 04 - 575 1085
TELOK AIR TAWAR Salehin Mohamed <a href="mailto:pid_403@gmail.com">pid_403@gmail.com</a>	(T) 017-427 1581
SEBERANG JAYA Abdul Jalil Che Ros <a href="mailto:abiteghu@gmail.com">abiteghu@gmail.com</a>	(T) 04 - 538 1460 013 - 489 3227 (F) 04 - 538 1460
SUNGAI ACHEH Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar <a href="mailto:hjwanday@yahoo.com">hjwanday@yahoo.com</a>	(T) 012 - 4735774
BAYAN LEPAS Asnah Binti Hashim <a href="mailto:asnah_45@streamyx.com">asnah_45@streamyx.com</a>	(T) 019 - 472 6956
PULAU BETONG Hj Mohd Tuah Bin Ismail <a href="mailto:tuhismail@yahoo.com">tuhismail@yahoo.com</a>	(T) 019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid <a href="mailto:halilsabri.hamid@gmail.com">halilsabri.hamid@gmail.com</a>	(T) 016-400 6462

### Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS	999	JPJ	04-658 1122
BOMBA	994		04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
PENYELAMAT	991		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	PUSAT INFO PELANCONG	04-261 4461
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
NEGERI		FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
KASTAM	04-262 2300	( BUTTERWORTH)	04-310 2377
IMIGRESEN	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
INFORMASI PENERANGAN	04-643 0373	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WWC	04-228 0342		
EPF	04-397 1058	PERSATUAN PERUNDUNGAN	04-829 4046
SOCSCO	04-226 1000	KANAK-KANAK	
	04-238 9888	CAP	04-829 9511
		JABATAN BURUH	04-262 5536
		PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

### PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN

N1 Penaga : 019 - 470 4800	- Rosidi Hussain	N22 Tanjung Bungah : 012 - 232 6101	- Carol
N2 Bertam : 012 - 490 6546	- Abd Rashid	N23 Air Putih : 04 - 829 0614	- Chiam Heng Hock
N3 Pinang Tunggal : 019 - 437 2887	- Muhasdey	N24 Kebun Bunga : 04 - 829 3691	- Nancy Lim
N4 Permatang Berangan : 019 - 510 2633	- Arshad Md. Salleh	N25 Pulau Tikus : 012 - 488 3227	- Joe
N5 Sungai Dua : 019 - 477 6740	- Md. Fahmi Abd. Wahab	N26 Padang Kota : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N6 Telok Air Tawar : 017 - 427 1581	- Salehin Mohamed	N27 Pengkalan Kota : 012 - 437 1522	- Wang Lai Kin
N7 Sungai Puyu : 012 - 528 8411	- Ng Ya Ling	N28 KOMTAR : 012 - 412 6284	- Adreena
N8 Bagan Jermal : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29 Datok Keramat : 012 - 410 6566	- A. T. Ong
N9 Bagan Jaya : 016 - 473 1963	- Gesan	N30 Sungai Pinang : 010 - 464 3308	- Anna
N10 Seberang Jaya : 013 - 489 3227	- Abdul Jalil Che Ros	N31 Batu Lancang : 012 - 480 3885	- Ooi Soo Chuan
N11 Permatang Pasir : 019 - 412 8442	- Kamal	N32 Seri Delima : 012 - 486 2552	- Mr. Lingam
N12 Penanti : 04 - 522 1463	- Suhaimi Bin Mansor	N33 Air Itam : 012 - 493 3648	- Teh Choong Kong
N13 Berapit : 019 - 481 7823	- Ong Kee Seong	N34 Paya Terubong : 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee
N14 Machang Bubuk : 019 - 546 3257	- Rynu	N35 Batu Uban : 012 - 409 7507	- A. Francis Xavier
N15 Padang Lalang : 04 - 502 5071	- Ooi Zhen Chee	010 - 562 2004	- M. Sri Jaimuralydasan
N16 Perai : 012 - 339 3479	- Pn. Rajalethchumi	019 - 443 2088	- Victor
N17 Bukit Tengah : 016 - 469 5343	- Amizuddin	N36 Pantai Jerejak : 013 - 510 1968	- Latifah
N18 Bukit Tambun : 016 - 442 0820	- Ong Eu Leong	N37 Batu Maung : 013 - 510 1968	- Asnaf Bt Hashim
N19 Jawi : 017 - 408 4784	- Abdul Halim Yunus	N38 Bayan Lepas : 019 - 472 6956	- Hj Md Tuah Ismail
N20 Sungai Bakap : 012 - 415 2905	- Munir Bin Makhtar	N39 Pulau Betong : 019 - 570 9500	- Halil Sabri
N21 Sungai Aceh : 012 - 473 5774	- Hj M. Kamil A.Bakar	N40 Telok Bahang : 016 - 400 6462	





**PARA** peserta mengikut rentak senamrobik jurulatih-jurulatih jemputan bersempena penganjuran program Hari Tanpa Kenderaan - Senamrobik Bersama Ketua Menteri di Lebuh Pantai, George Town.



**KEADAAN** Flat Kampung Melayu yang dicat semula hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat.



**KETUA** Menteri mendukung bayi kembar sempena Majlis Penyampaian Sumbangan Program Anak Emas Peringkat Daerah Seberang Perai Utara.



**SEBAHAGIAN** kanak-kanak yang membuat persembahan khas pada penganjuran program Rumah Terbuka Hari Natal KADUN Air Putih 2012.



**PENGERUSI** Jawatankuasa Pengurusan Lalulintas dan Kerajaan Tempatan, Chow Kon Yeow (dua dari kiri) memerhatikan sekumpulan nelayan membaiki peralatan menangkap ikan bersempena lawatan beliau ke Jeti Chew, George Town.



**AKSI** para peserta Round Island Ride yang bermula di Taman Belia.



AHLI-ahli Majlis MPPP 2012 menunjukkan tanda bersepada pada Upacara Pengakuan Menteri menerima Jawatan Sebagai Ahli Majlis MPPP 2012 di Dewan Bandaraya.



ONG See Fook yang telah berkhidmat selama 55 tahun dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan selama 46 tahun di Pejabat Ketua Menteri (sejak 17 Julai 1966, di bawah pentadbiran empat Ketua Menteri sehingga kini) bergambar kenang-kenangan bersama isteri beliau di Majlis Sambutan Hari Keputeraan Baginda Raja Thailand, Bhumibol Adulyadej Ke-84 di G Hotel.



BEBERAPA kanak-kana ceria menerima sumbangan ‘ang pow’ daripada ADUN Permatang Pasir pada Majlis Sumbangan Sempena Tahun Baru Cina Kampung Cross Street2 di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN peserta yang turut serta dalam acara senamrobik di Dataran Muafakat, Balik Pulau (bersebelahan dengan Kompleks Pasar Balik Pulau).



PENGURUSI Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi (kanan sekali) menunjukkan tanda bagus kepada ADUN Tanjong Bunga, Teh Yee Cheu (dua dari kanan) sempena penglibatan beliau dalam Malakoff Interstate Ride di Taman Belia.



PERSEMBAHAN tradisional menarik yang dipersembahkan bersempena sambutan Hari Bandaraya George Town Ke-55 di Padang Kota Lama.

# Amalan 8S

semasa berurusan dengan pelanggan

SALAM	SEMPURNA
SAYANG	SENSITIF
SEGAK	SENYUM
SEGERA	SOPAN

<http://ebayar.penang.gov.my>

**Pembayaran Bagi ...**

- Cukai Tanah
- Pinjaman Penuntut
- Cukai Taksiran MPPP
- Cukai Taksiran MPSP

# GOVPG@15888

Perkhidmatan SMS Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Sonarai Perkhidmatan Yang Ditawarkan

Semakan Status Rumah Kos Rendah	Semakan Status Pembayaran Kontraktor
Semakan Status Pinjaman Penuntut	Semakan Status Pendaftaran Warga Emas
Semakan Status Baki Pinjaman Penuntut	Semakan Status Cukai Tanah

sila klik untuk maklumat lanjut ....

Permohonan, Semakan Rumah Kos Rendah, Sederhana Rendah & Projek Perumahan Rakyat (PPR)

<http://erumah.penang.gov.my>

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

# ePINTAS

Penang Information And Complaint System

<http://epintas.penang.gov.my>

Penang Information and Complaint System (ePINTAS) merupakan Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri yang membolehkan orang ramai membuat aduan, komen, teguran, cadangan dan pertanyaan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri

JPS CARELINE  
1 300 80 1010

Sebarang aduan tentang perkhidmatan JPS boleh disalurkan melalui JPS CARELINE 1-300-80-1010

Sistem Penghargaan Warga Emas

# i-Sejahtera

<http://isejahtera.penang.gov.my>

warga emas  
miskin tegar

## NOTIS PEMBERITAHUAN

MULAI 1 JULAI 2011,  
PEMBAYARAN UNTUK SEMUA  
URUSAN TANAH DENGAN  
MENGGUNAKAN CEK  
ADALAH  
TIDAK DIBENARKAN  
KECUALI  
UNTUK BAYARAN  
CUKAI TANAH SAHAJA

BERKUATKUASA 1 JULAI 2011

Notis Pemberitahuan - Tidak Membenarkan Penggunaan Cek Untuk Bayaran Urusan Tanah  
Kecuali Cukai Tanah

my Penang my workplace

[www.penangcatcentre.my](http://www.penangcatcentre.my)

your global gateway to Jobs in Penang

Tel: 604-250 2170  
Fax: 604-250 2171



PENANG TRADE EVENTS  
2012  
PARTNER



# PIHEC 2012

3<sup>rd</sup> PENANG INTERNATIONAL  
HALAL EXPO & CONFERENCE



FREE  
ADMISSION

HALAL EXPO

PISA, Penang

WITH SPECIAL SECTION  
ON SPICE & SEAFOOD

24-26  
Feb

HALAL CONFERENCE

Eastin Hotel, Penang

PERSONAL CARE  
& COSMETICS

25  
Feb

Organised by:



HALAL  
PIHP PENANG

04 261 6244

[www.halalpenang.com](http://www.halalpenang.com)



## Pulau Pinang memimpin di bawah Pakatan Rakyat




TUAN Yang Terutama Yang Dipertua Negeri memeriksa Kawad perbarisan sempena sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun lalu.



PASUKAN keselamatan negara sanggup berpanas dan berhujan demi menjaga keselamatan dan keamanan negara.



KOL. Badrul Hisham Muhammad (tiga dari kanan) berbual dengan Ketua Menteri sambil diperhatikan Zahrudin Abdullah (kanan sekali) pada Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada Pasukan Keselamatan di sini tahun lalu.



ANGGOTA-anggota PPS Daerah Timur Laut bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri (duduk, tengah) dan Phee Boon Poh (duduk, dua dari kiri) pada Majlis Penyerahan Peralatan PPS di Tapak Pesta baru-baru ini.

### TINTA PENGARANG

## 901 : Suatu transformasi baru kerajaan Pakatan Rakyat

*Salam REFORMASI kepada semua pembaca Buletin Mutiara!*

PEMBEBASAN anak negeri Pulau Pinang merangkap ketua Pakatan Rakyat telah bebas daripada tuduhan yang sangat sudah jemu dan jelek untuk disebut. Tuduhan yang akhirnya memakan diri golongan yang cuba menimbulkan fitnah durjana terhadap pucuk serta tunjang utama pemimpin Pakatan Rakyat.

Ternyata, bukti yang cuba dibawa ke mahkamah adalah dusta kerana tidak berupaya mensabitkan kesalahan DS Anwar Ibrahim. Hakim sendiri tidak boleh pasti 100% bahawa bukti telah diusik. Sokongan dan kepercayaan rakyat terhadap Pakatan Rakyat semakin "melimpah-ruah" kesan daripada peristiwa 901 ini. Rakyat yang membanjiri Mahkamah Jalan Duta bagi mendengar keputusan penghakiman pada 9 Januari lepas ternyata "berbaloi" kerana keputusan mahkamah sendiri telah membuktikan sokongan mereka selama ini adalah tidak sia-sia.

Namun, terdengar suara-suara sumbang diiringi irama melodi UMNO yang menyifatkan perhimpunan 901 ini telah mengancam ketenteraman awam. Mungkin kenyataan suara sumbang ini malu untuk mengaku sebenarnya perhimpunan 901 ini mengancam UMNO! Walauapapun kini, hidup mesti terus, begitu juga Pakatan Rakyat dalam usaha terus memperkasakan rakyat. Jalan semakin jelas dan terbentang menuju PRU13. "Gula-gula" PRU13 semakin banyak ditabur UMNO, namun belum tentu mampu membeli undi rakyat. Sokongan padu rakyat kepada negeri dibawah Kerajaan Pakatan Rakyat adalah aset yang tidak diambil mudah dan terus dihargai.

Usaha Pakatan Rakyat memperkasakan rakyat bukan hanya ketika menjelang PRU seperti diamalkan UMNO, tetapi sejak hari pertama menerima mandat kepercayaan mentadbir negeri. Jika anda tidak percaya tanyalah kepada rakyat Pulau Pinang.

Ketika UMNO kini baru sibuk menabur "gula-gula" menjelang PRU, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat masih terus menabur budi dan bakti kepada rakyat Pulau Pinang melalui agenda memartabatkan rakyat seperti yang diamalkan sejak mentadbir negeri ini. Permulaan tahun 2012, seramai 1,384 bayi berdaftar sehingga Jun 2011 dan seramai 1,162 telah menerima sumbangan sebanyak RM200 secara berperingkat melalui Penyampaian Sumbangan Program Anak Emas oleh Kerajaan Negeri.

Jiwa rakyat dalam kalangan pemimpin Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat, semakin terus disemai dan subur berkembang di hati rakyat setelah sekian lamanya. Tujuan hanyalah satu, bersama menyelamatkan Malaysia, ubah sekarang! Pakatan Rakyat dari rakyat untuk rakyat dan kepada rakyat.

Putera Pulau

## Pulau Pinang memimpin di bawah Pakatan Rakyat

### PELABURAN

- Pelaburan tertinggi di Malaysia pada tahun 2010 dengan RM12.2 bilion, penyumbang 36% daripada pelaburan asing (FDI) negara.
- Kejayaan Pulau Pinang diperakui majalah ekonomi antarabangsa *The Economist* dan agensi berita Bloomberg.
- Projek-projek pembuatan yang telah diluluskan di Pulau Pinang mengikut status pelaburan bagi tahun 2010 :


Bilangan	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM)	Pelaburan Langsung Asing (RM)	Jumlah Pelaburan (RM)
128	21,618	1,786,853,018	10,451,105,860	12,237,958,878

(Sumber: MIDA)

Manakala jadual di bawah menunjukkan projek-projek yang diluluskan di Pulau Pinang bagi Tahun 2010

Jumlah Projek	Jumlah Pelaburan Baru (RM Juta)	Jumlah Projek	Jumlah Pelaburan Pembesaran Sedia Ada (RM Juta)	Jumlah Projek Keseluruhan	Jumlah Pelaburan Keseluruhan (RM Juta)
64	2,846.00	64	9392	128	12,238.00

(Sumber: MIDA)



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Gabenor Kanagawa, Yuji Kuroiwa selepas selesainya Majlis Menandatangani Perjanjian Pembaharuan Untuk Kemakmuran Antara Pulau Pinang dan Wilayah Kanagawa, Jepun di Komtar baru-baru ini.



KETUA Menteri dan CEO I Biden Co. Ltd., Hiroki Takenaka (tiga dari kanan) memotong reben tanpa pelancaran syarikat I Biden Electronics Malaysia Sdn. Bhd.. Sebelum ini, I Biden Electronics yang merupakan syarikat penghasilan peranti elektronik telah melabur sebanyak RM1.2 bilion bagi pembinaan plant 1 dan pertambahan yang diumumkan tahun lalu merupakan jumlah bagi plant 2.



KETUA Menteri dan Ketua Pegawai Eksekutif St. Jude Medical, Daniel Starks memotong reben sebagai gimik pelancaran St. Jude Medical (M) Sdn. Bhd.. St. Jude Medical merupakan salah satu pengeluar peranti perubatan kardiovaskular ternama di dunia. Jumlah pelaburan syarikat tersebut di sini adalah sebanyak USD\$65 juta atau RM165 juta ke atas fasiliti pembuatan terbaru di Zon Kawasan Perindustrian Bebas Bayan Lepas tahun lalu.



TUAN Yang Terutama Yang diPertua Negeri, Abdul Rahman Abbas (dua dari kanan) bersalaman dengan Gabenor Jeneral Kanada, David Johnston (kiri sekali) yang mengadakan lawatan rasmi ke negeri Pulau Pinang baru-baru ini.



PELAN Kilang baru Boon Siew Honda Sdn. Bhd. (atas) yang akan didirikan di Kawasan Perindustrian Batu Kawan akibat penambahan pelaburan mereka sebanyak RM 200 juta di negeri ini tahun lalu.

LAKARAN Penang SME Centre (kiri) di Bayan Lepas.

## Penyertaan PIHEC meningkat saban tahun

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Penganjuran tahun ketiga, ‘Penang International Halal Expo and Conference 2012’ (PIHEC) bakal diadakan pada 24 Februari sehingga 26 Februari ini di Penang International Sports Arena (PISA) dengan penglibatan lebih daripada 200 pempamer yang terdiri daripada pengusaha halal pelbagai produk serta perkhidmatan dari dalam dan luar negara.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal

Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim yang juga merangkap Penasihat Halal Penang berkata, PIHEC merupakan acara tahunan yang dijalankan sejak tahun 2010 lagi.

“Penganjuran (PIHEC) tahun ini akan memfokuskan kepada produk kesihatan, kosmetik, rempah-ratus dan makanan laut yang juga merupakan salah satu produk terpenting di Pulau Pinang.

“Pada masa sama, PIHEC 2012 juga akan membuka tirai kepada delegasi

tempatan mahupun antarabangsa dalam menjana pelbagai prospek dan mencambah potensi dalam industri halal tempatan supaya dapat dikembangkan lagi ke peringkat global,” katanya pada sidang akhbar yang diadakan di sini baru-baru ini.

Abdul Malik menambah bahawa saban tahun, terdapat peningkatan dalam penyertaan dan penganjuran kali ini bakal membabitkan penglibatan beberapa buah negara antaranya Rusia, United Kingdom, Brunei, Singapura, Pakistan, China dan Iran.

Selain ekspos, turut diadakan adalah persidangan sehari pada 25 Februari di Hotel Eastin bertemakan ‘Emerging Concerns of the Global Personal Care and Cosmetic Industry’ yang menasarkan penyertaan daripada para pengamal akademik dan penyelidik dalam bidang farmaseutikal, farmasi, kesihatan dan kecantikan.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Halal Penang di talian 04-262 5444 atau layari laman sesawang HYPERLINK “<http://www.halalpenang.com/>”

## Pulau Pinang memimpin di bawah Pakatan Rakyat

**Kempen “Bersih dan Hijau Pulau Pinang” dianggap sebagai simbol Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri komited untuk muncul sebagai negeri Hijau pertama di negara ini.**

Kempen mega yang telah dijalankan ke arah usaha tersebut :

- Bermula pada 6 Julai 2009, Kerajaan Negeri telah melancarkan kempen ‘Hari Tanpa Beg Plastik’ pada setiap hari Isnin. Susulan kejayaan mengurangkan 1 juta beg plastik dalam tempoh empat bulan, inisiatif tersebut dilanjutkan dengan ke tiga hari seminggu iaitu Isnin, Selasa dan Rabu. Malah, pada 1 Januari 2011, Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Setiap Hari telah diimplementasikan.
- Larangan penggunaan bekas makanan polisterin turut dilarang di semua program dan aktiviti anjuran Kerajaan Negeri.
- Sehingga Mac 2011, atau lebih tepat tiga tahun di bawah pemerintahan PR, tahap kualiti air di Sungai Pinang telah dipertingkatkan ke kelas ketiga. Sungai Juru (yang sebelum ini turut tergolong di dalam kategori sama) juga telah terkeluar dari senarai sungai paling tercemar di Malaysia.
- Anjuran tahunan program pembersihan pantai.
- Kempen ‘Penang Hijau Bersih’ atau ‘Cleaner Greener Penang’ yang dilancarkan pada 22 Mei 2010.
- Mewartakan tanah kerajaan seluas 10.1 ekar di Bukit Mertajam atau Bukit DO sebagai taman rekreasi yang baru. Pewartaan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tanah pada 24 Ogos 2010.
- Pelancaran laman web HYPERLINK “<http://www.cleanergreenerpenang.com/>”[www.cleanergreenerpenang.com](http://www.cleanergreenerpenang.com/) .
- Penubuhan Penang Green Council Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab menganjurkan program-program Hijau seperti Anugerah Sekolah Hijau, Warga Hijau, Sembang Hijaum dan lain-lain.
- Hari Tanpa Kenderaan, pada setiap Ahad, 7 pagi hingga 5 petang di Lebuh Pantai, George Town.



KETUA MENTERI (empat dari kanan) sambil ditemani Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P.Ramasamy (tiga dari kanan) dan Pengurusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh (dua dari kanan) menunjukkan sepanduk kempen Earth Hour 2011.



TIMBALAN Ketua Menteri II, Prof. Dr. P.Ramasamy bersama pelajar-pelajar KDU menanam pokok bakau di Sungai Burong, Balik Pulau.



KETUA Menteri melancarkan tong sampah kitar semula yang ditempatkan di seluruh negeri Pulau Pinang.



KETUA Menteri (kiri sekali), barisan Exco Kerajaan Negeri dan YDP MPSP (kini Pegawai Kewangan Negeri), Datuk Mokthar Jait (dua dari kiri) bertungkus-lumus memungut sampah pada program Pembersihan Pantai Robina.




ORANG ramai berpusu-pusu mendapatkan beg mesra alam sekitar daripada Ketua Menteri di Plaza Gurney pada Januari 2011.



ANTARA pemenang Anugerah Sekolah Hijau yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.

## PGC koordinasi insiatif hijau Pulau Pinang



DUA pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) True Light tidak ketinggalan melihat sendiri hasil ciptaan yang berkonsepkan 3R pada penganjuran Ekspos Mini Hijau 2011 (EMH) Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

**GEORGE TOWN** – Ekspos Mini Hijau 2011 (EMH) Negeri Pulau Pinang yang diadakan baru-baru ini adalah inisiatif Penang Green Council (PGC) Strategies Sdn. Bhd. dan Kerajaan Negeri dalam memperkenalkan PGC sebagai sebuah badan yang menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran, memberi fasiliti dan mengkoordinasi pembangunan persekitaran hijau di Pulau Pinang.

Bertemakan ‘Memelihara Untuk Masa Depan – Wacana Suria’, ekspos dua hari tersebut turut mendapat sambutan daripada beberapa badan bukan kerajaan dan juga orang-perseorangan yang bergiat dalam lapangan hijau. Antaranya Soka Gakkai Malaysia, Robert Bosch (SEA) Pte. Ltd., Sustainable Biofuels Malaysia Sdn.

Bhd. dan Equarater Sdn. Bhd.

Selain itu, beberapa siri ceramah turut diaturkan antaranya yang berkaitan dengan tenaga solar, ‘Feed-In Tariff’, bangunan rendah karbon indeks bangunan hijau dan sumber tenaga di bumi.

Ekspos yang diadakan di pusat membeli-belah 1st Avenue turut mempromosikan pameran utama yang bakal diadakan pada September 2012 nanti iaitu “Conserving for Tomorrow – Full Chapter”, selain memupuk kesedaran orang awam tentang penggunaan tenaga dengan mapan.

Turut diadakan adalah penyampaian hadiah bagi Pertandingan Rekacipta Logo PGC yang dimenangi oleh Pamela Wong Qui Lin, 30, (Hadiah Cemerlang), Chow May Ling, 26 dan Mohd Fakhri Abdul Rahman, 29 (Hadiah Khas).



SEORANG peserta membantu rakan sepasukan mengenakan seragam sebelum berentap dalam FESKOM anjuran Kerajaan Negeri.



KETANGKASAN dua peserta pencak silat menggunakan keris memperoleh tumpuan bersempena penganjuran FESKOM di sini baru-baru ini.

## FESKOM jadi program rasmi Kerajaan Negeri

Oleh: NORSHAHIDA YUSOF

**SUNGAI NIBONG** – Setelah dihentikan penganjurannya pada tahun 2005, atas inisiatif khas Kerajaan Negeri, Festival Sukan Kombat (FESKOM) telah diwujudkan semula seiring dengan penganjuran Pesta Pulau Pinang 2011 di sini baru-baru ini.

Malah, bermula tahun ini, FESKOM bakal dijadikan sebagai salah satu program rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang saban tahun sejak Pakatan Rakyat memerintah.

Selain dimeriahkan dengan pengunjung yang hadir, majlis penutupan program berkenaan turut disempurnakan sendiri oleh Pengurus Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi.

Kok Fooi berkata, objektif utama Kerajaan Negeri menghidupkan semula FESKOM adalah bertujuan menilai tahap sebenar persediaan dan prestasi pasukan negeri-negeri yang bertanding dan memberikan pendedahan awal kepada semua peserta untuk mengukur kekuatan pihak lawan di

gelanggang sebenar.

“Kerajaan berharap semangat keakraban dan setiaawan dalam kalangan peminat-peminat sukan mempertahankan diri akan menjalankan satu permuafakatan dan persahabatan sepanjang tempoh kejohanan diadakan.

“Gunalah kesempatan ini untuk memperbaiki segala teknik dan berkongsi pengalaman serta proses pembelajaran sesama rakan seperjuangan,” ujarnya ketika merasmikan penutupan FESKOM 2011 baru-baru ini.

Dalam pada itu, kejuaraan pencak silat sempena FESKOM yang dianjurkan oleh Majlis Silat Negeri Pulau Pinang bersama Pasukan Pencak Silat Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini telah berjaya menarik penyertaan pasukan-pasukan dari negeri di seluruh Malaysia dan negara luar seperti Indonesia dan Singapura.

Turut hadir Pengurus Jawatankuasa Majlis Sukan Negeri, Datuk Ong Poh Eng, Pengarah Majlis Sukan Negeri, Frederick Tan, Naib Yang diPertua Majlis Silat Negeri, Ismail Chik dan juru-juru Wasit Silat Kebangsaan.

## Kayuhan amal Malakoff isi dana kebajikan

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang sekali lagi menjadi lokasi penganjuran tahun ketiga bagi peminat sukan berbasikal berkumpul beramai-ramai, *The Malakoff Interstate Fellowship Ride 2011/12* sejauh 180 kilometer (km) merentasi tiga buah negeri termasuk Perak dan Kedah menjelang tahun baru di sini baru-baru ini.

Lebih 1,100 peminat sukan berbasikal menyertai acara tersebut hasil penganjuran bersama Kerajaan Negeri, Majlis Sukan Negeri, KOTRT dan *Malakoff Corporation Berhad* (Malakoff) baru-baru ini.

Lydia Ong Kok Fooi selaku Pengurus Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti yang hadir bagi upacara ‘flag-off’ berkata, program tersebut adalah berkonsepkan ‘bersukan sambil beramal’ di mana yuran penyertaan yang dikenakan akan didermakan kepada rumah kebajikan terpilih di ketiga-tiga negeri berkenaan.

“Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, matlamat utama program adalah untuk beramal sambil mengisi masa yang berkualiti dengan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. Kerajaan Negeri sentiasa peka dan memberi sekongan kepada program seumpama ini.

“Ianya juga adalah sebagai salah satu

tanggungjawab sosial, bukan sekadar menguji kekuatan stamina peserta tetapi mempunyai misi yang lebih besar dan bermakna kepada mereka dalam membantu insan memerlukan,” ujarnya.

SEBAHAGIAN daripada peserta yang mengambil bahagian dalam *The Malakoff Interstate Fellowship Ride 2011/12* membabitkan perjalanan sejauh 180 km.



LYDIA Ong Kok Fooi dengan bersemangat melepaskan para peserta *The Malakoff Interstate Fellowship Ride 2011/12*.



SYARIFUL Nahar Mat Saad.



KEADAAN yang selesa untuk membaca.



KEMAS dan bersih menjadi asas utama perpustakaan pusat Seberang Jaya.

Oleh: YAP LEE YING  
Gambar: MOHD. HAFIZ TAJUDIN

TAK kenal maka tak cinta. Perungkapan tersebut amat sesuai untuk melabelkan kemudahan yang disediakan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) secara keseluruhan.

Ke arah penanaman tabiat membaca dalam kalangan rakyat Pulau Pinang, pelbagai usaha yang lazimnya memanfaat, jimat, efisien dan sesuai dengan masa pengguna telah diimplementasikan oleh PPAPP. Apa yang menarik adalah pengimplementasian sistem rangkaian perpustakaan elektronik melalui jaringan seantara dunia, WWW ‘World Wide Web’ yang ‘menghubungkan’ 107 perpustakaan cawangan, desa, kanak-kanak dan bergerak dengan perpustakaan pusat di seluruh negeri Pulau Pinang.

Dengan merangkaikan perpustakaan pusat dengan perpustakaan-perpustakaan di bawah pentadbirannya, proses-proses utama dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan PPAPP seperti OPAC, pendaftaran keahlian, pinjaman, pemulangan, rizab, pembaharuan dapat diautomatiskan dengan menyeluruh. Kesemua perkhidmatan berkomputer seperti akses kepada jurnal elektronik dan bahan pendigitalan dapat dilakukan di mana-mana perpustakaan melalui laman web PPAPP.

Ini bermakna, apabila seseorang membuat pinjaman buku di perpustakaan pusat di Seberang Jaya, bahan tersebut boleh dikembalikan di mana-mana perpustakaan cawangan, pekan, desa ataupun perpustakaan bergerak yang memasuki taman-taman perumahan, kampung, sekolah, sekolah-sekolah khas dan kawasan perumahan pada setiap dua minggu sekali (bergantung kepada lokasi ditetapkan).

Menurut Pengarah PPAPP, Shukriah Yon, sistem yang turut diimplementasikan di tiga buah perpustakaan di pusat membelah iaitu Komtar, Mayang Mall dan AEON Jusco, Seberang



SHUKRIAH Yon.

Perai turut membolehkan masyarakat umum membuat ‘tempahan’ buku yang dikehendaki di lokasi-lokasi berkenaan. Semua buku atau bahan-bahan bacaan yang dikehendaki akan dihantar mengikut permintaan masing-masing.

“Sehingga kini, keahlian PPAPP di seluruh negeri Pulau Pinang adalah berjumlah 382,429 orang manakala seramai 1.2 juta ahli adalah ahli tidak berdaftar. Melalui perangkaan tersebut, memang menjadi matlamat kami (PPAPP) untuk menjadikan ahli tidak berdaftar ini sebagai yang berdaftar di dalam tempoh terdekat.

“Secara puratanya, kita (PPAPP) mempunyai seramai 800 hingga 1,000 pengguna setiap hari dan bagi terus menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat, satu program terkini dari rumah ke rumah sedang giat dijalankan,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di Seberang Jaya di sini

# PPAPP lubuk ilmu yang janjikan kepuasan & kesempurnaan



BASIKAL antik yang dibeli secara on-line bagi melengkapkan Galeri P. Ramlee.

baru-baru ini.

Melalui program tersebut, Shukriah memberitahu bahawa pendekatan yang digunakan adalah pegawai bertugas akan melawat setiap rumah dan mendapatkan maklumat mengenai bahan bacaan yang ingin dibaca oleh individu ataupun keluarga berkenaan. Dari situ, mereka (pegawai PPAPP) akan membawa bahan bacaan tersebut dan dari situ akan menjelaskan mengenai kebaikan menjadi ahli PPAPP.

Sementara itu, Penolong Perpustakaan, Syariful Nahar Mat Saad yang dipertanggung-jawabkan untuk membawa

wartawan dan jurugambar Buletin Mutiara melawat kawasan sekeliling perpustakaan pusat di Seberang Jaya menyatakan bahawa bangunan tersebut terbahagi kepada dua tingkat.

“Selain bilik-bilik membaca biasa, apa yang istimewa di sini adalah kam i (PPAPP) menyediakan Bilik Pengguna Istimewa khas untuk orang kelainan upaya (OKU) cacat penglihatan. Diselia oleh Pembantu Perpustakaan, Mohd. Hazani Abdullah (yang juga cacat penglihatan), beliau (Mohd. Hazani) akan ‘mentejerahkan’ buku teks asal



BAS perpustakaan bergerak yang digunakan untuk mendekati masyarakat kampung, desa dan taman-taman perumahan.

## KEAHLIAN

<b>Dewasa:</b> RM2 setahun
<b>Kanak-kanak:</b> RM1 setahun
<b>Keluarga:</b> RM5 (tiada had bilangan)
<b>Jumlah buku yang boleh dipinjam:</b> 4 buah buku + 1 majalah + 1 bahan media (satu masa)
<b>Tempoh pinjaman:</b> 2 minggu (tempoh boleh diperbaharui di mana-mana perpustakaan)

## Info Perpustakaan Pusat, Seberang Jaya

Rabu – Ahad 9.45 pagi – 6 petang

**Tutup:** Isnin – Selasa

**Telefon:** 04 – 390 2387

**HYPERLINK** “<http://www.penanglib.gov.my/>”  
[“www.penanglib.gov.my”](http://www.penanglib.gov.my)

kepada ‘braille’ untuk keperluan golongan berkenaan,” ujarnya.

Dalam pada itu, bagi melengkapkan keunikan perpustakaan pusat tersebut, sebuah Galeri P. Ramlee turut diwujudkan dan dirasmikan pada 17 November 2011 atas inisiatif khas Shukriah.

“Gambar-gambar yang terdapat di dalam galeri ini diperoleh dari Arkib Negara dan Memorial P. Ramlee di Kuala Lumpur. Malah, peralatan seperti alat muzik, basikal antik dibeli secara on-line,” jelas Syariful Nahar sambil menyatakan bahawa lagu dan muzik P. Ramlee turut didendangkan mengikut waktu operasi perpustakaan.

Selain itu, kemudahan-kemudahan lain yang disediakan di perpustakaan pusat adalah Bilik Persatuan Penulis Negeri Pulau Pinang ; Bilik Kanak-kanak ; Unit Perkhidmatan Koleksi Digital ; Koleksi Pulau Pinang ; Bilik Tayangan dan Auditorium yang mampu memuatkan 200 penonton.

# Realisasikan gaya hidup sihat di “Pusat Hiburan Keluarga”

**A**PABILA sebut sahaja pusat hiburan, dalam kalangan kita tentu terbayang pelbagai budaya negatif seperti pergaulan liar, pelacuran, penyalahgunaan pil ekstasi, alkoholisme, seks rambang dan banyak lagi.

Pulau Pinang yang diperintah oleh Pakatan Rakyat tidak terlepas dari semua tanggapan itu.

Bagaimanapun, bagi Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), MOHAMED YUSOFF MOHAMED NOOR, semua persepsi itu boleh diubah sekiranya semua pihak berwajib mempunyai iltizam yang tinggi untuk melakukannya.

Ikuti wawancara beliau (MY) bersama wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), ZAINULFAQAR YAACOB.

**BM :** Bagaimanakah Tuan melihat realiti pusat hiburan di negeri ini khususnya di bawah Kerajaan Negeri yang baru?

**MY :** Selaku ahli majlis bagi pihak kerajaan tempatan (PBT) sendiri, saya merasakan masih banyak lagi perubahan yang mesti dibuat dan Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Rakyat sekarang bagi saya mempunyai iltizam politik yang jauh lebih progresif berbanding yang lama (Barisan Nasional).

Bagi saya, mengubah persepsi rakyat yang negatif terhadap pusat hiburan sendiri mesti bermula dengan mengubah operasi pusat hiburan sendiri supaya mengamalkan budaya hidup yang lebih sihat.

**BM :** Apakah yang dimaksudkan dengan ‘mengamalkan budaya hidup yang lebih sihat’ di pusat hiburan?

**MY :** Saya seorang muslim dan mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam majlis ini (MPPP). Maka, sudah tentu saya akan berusaha membawa budaya hidup yang sihat dalam PBT sebagaimana yang agama anjurkan demi mereputasi imej Kerajaan Negeri (Pulau Pinang).

Saya secara peribadi tidak bersetuju dengan pandangan sesetengah pihak untuk tutup pusat hiburan secara total atas alasan di sana ada budaya-budaya negatif seperti pergaulan bebas, alkoholisme dan sebagainya.

Ini Malaysia lah, Ini Pulau Pinang lah yang terdiri oleh pelbagai kepercayaan, budaya dan etnik.

Dalam fiqh al-Islami, pelaksanaan hukum syarak tidak boleh sampai menafikan hak sesiapa pun.

Arak umpamanya, memang diharamkan dalam Islam tetapi pengharaman ini tidak boleh sampai menafikan hak orang bukan Islam. Samalah seperti khinzir, memang haram dimakan oleh orang Islam makan. Tetapi, pengharaman itu sama seperti arak; iaitu tidak boleh sampai menafikan hak orang bukan Islam untuk memakannya.

Orang Islam, memang tak boleh minum arak sebab itu semua pihak berwajib seperti Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), polis hatta PBT sendiri ada melakukan penguatkuasaan ini. Cuma, kena tambah lebih banyak penguatkuasaan sahaja.

Nabi Muhammad a.s.w sendiri ada bersabda, “Berikanlah setiap yang mempunyai hak akan haknya...” (hadith riwayat al-Bukhari:5674)

Inilah fiqh al-Islami. Keadilan hak orang Islam dan bukan Islam dijamin di Malaysia ini jika proses Islamisasi ini dilaksanakan.

Yang lebih penting, gaya hidup rakyat di negeri ini lebih sihat selain akan terus mereputasi imej kerajaan negeri.

**BM :** Jika diberi peluang untuk membentangkan pelan “Pusat Hiburan Berkeluarga”, bolehkah Tuan jelaskan proposal Tuan?

**MY :** Di negara-negara Barat yang kononnya jauh dari agama Islam sendiripun sebenarnya, bagi saya, lebih mengamalkan budaya hidup yang sihat sebagaimana yang dianjurkan oleh agama Islam.

Di Kanada dan New Zealand umpamanya, kedai milik kerajaan sahaja yang menjual arak. Arak tidak terdapat di 7Eleven, Tesco dan pasar raya awam lain seperti di negara ini.

Undang-undang mengenai perniagaan arak di Kanada, New Zealand dan Norway sangat ketat. Arak di Norway hanya boleh dibeli sehingga jam 3.00 petang sahaja supaya gaya hidup rakyat lebih sihat bersama keluarga selepas waktunya bekerja.

Begitu juga di United Kingdom, tidak boleh minum arak di kaki-kaki lima. Arak hanya boleh minum di dalam kedai minum sahaja, botol arak tidak boleh dikeluarkan dari pub atau pusat hiburan berkeluarga.

Mereka (bukan Islam) pun faham bahawa kalau arak ini boleh diminum secara bebas tak kira tempat, tak kira waktu dan tak kira situasi, budaya sebegini bakal membahayakan orang lain.

Contoh, mabuk ketika memandu boleh membahayakan jiwa orang awam lain. Mabuk sehingga larut malam akan menghakis keharmonian rumah tangga.

Mengenai perjudian pula, kerajaan China, Jepun dan Taiwan telahpun mengharamkannya. Di Hong Kong, ada satu pusat perjudian dan lumba kuda, itupun dimiliki dan dikawal ketat oleh kerajaan sendiri.

Di Korea Utara yang dikatakan tidak cukup demokratik berbanding Malaysia pun sebenarnya hampir tidak ada industri pelacuran dan perjudian kerana kedua-dua budaya ini dianggap membantutkan proses ekonomi negara.

Mengapakah semua budaya sihat ini boleh dilihat di negara-negara demikian?

Jawapannya hanya satu, fitrah manusia baik muslim atau bukan Islam semuanya mahu budaya hidup yang sihat dan keluarga yang harmoni iaitu jauh dari alkoholisme yang melampau, pelacuran dan sebagainya.



**MOHAMED Yusoff Mohamed Noor.**

Proposal saya mudah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu membantu penggiat pusat hiburan menggandakan pendapatan mereka masing-masing dengan pelan “Pusat Hiburan Berkeluarga” dengan jauhi amalan tidak sihat seperti yang disebut sebelum ini.

Kalau boleh kita, baik PBT atau Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) sendiri perkemaskan sistem zon, dengan (mengadakan) zon hiburan awam dan zon hiburan untuk orang Islam. Kedua-dua zon ini sebenarnya adalah gaya hidup yang lebih sihat untuk diri, keluarga dan imej Kerajaan Negeri.

**BM :** Selaku Ahli Majlis MPPP, apakah harapan Tuan yang mungkin mahu dikongsi dengan pembaca Buletin Mutiara?

**MY :** Saya berkongsi harapan yang sama dengan Ketua Menteri Pulau Pinang Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dan para pemimpin negeri yang lain, iaitu mahu era kerajaan Pakatan Rakyat memerintah negeri ini mesti jauh lebih baik dan berbeza dengan era lama Barisan Nasional.

Percayalah bahawa Islam dan umatnya tidak pernah dipinggirkan di negeri ini sebagaimana yang difitnahkan oleh pihak pembangkang (Barisan Nasional).

Buktinya paling terkini, MPPP tahun ini telah meluluskan peruntukan untuk membina surau di perkarangan Padang Kota dekat George Town ini selepas lebih 50 tahun negeri ini diperintah oleh Umno (dan) Barisan Nasional.

Di Jelutong, tempat saya tinggal, Parlimen dan tiga DUN (Dewan Undangan Negeri) dikuasai oleh DAP, tetapi Chow Kon Yeow selaku Pengerusi DAP negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Trafik Negeri masih memberi peluang kepada orang Melayu dari PAS seperti saya (sebagai ahli majlis) untuk tahun ketiga bagi bersama-sama mentadbir negeri.

# MPSP serius tangani masalah lalulintas



PASUKAN Penguatkuasa MPSP sedang menjalankan operasi mengunci tayar kenderaan yang menghalang lalulintas di sekitar daerah Seberang Perai.

Oleh: ZULIANA AZIZ

**SEBERANG PERAI** – Bagi kepentingan bersama pengguna jalan raya, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) serius dalam menangani kes-kes salah laku trafik yang memperlihatkan sebanyak 2,753 kompaun telah dikeluarkan melibatkan kutipan sebanyak RM137,650 bermula awal tahun sehingga 17 November 2011.

Lanjutnya itu, di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), sebanyak 40 zon kunci tayar

yang menempatkan papan tanda ‘Dilarang Meletak Kenderaan’ telah dibuat membabitkan lokasi Megamall (9), Bandar Sunway (11), Pekan Bukit Mertajam (14), Taman Chai Leng (3), Bandar Perda (2) dan Taman Inderawasih (1). Manakala bagi daerah Seberang Perai Utara (SPU), sebanyak 11 kawasan terlibat iaitu Jalan Bagan Luar (3) dan Taman Selat (8). Tiada zon kunci tayar bagi daerah Seberang Perai Selatan (SPS) buat masa ini.

Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee berkata, pihak MPSP telah

meletakkan papan tanda seperti ‘Dilarang Meletak Kenderaan’ dan ‘Zon Kunci Tayar’ di beberapa kawasan sekitar Seberang Perai, namun, masih ramai yang berdegil.

“Tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab membuatkan pengguna jalan raya yang lain menghadapi kesukaran disebabkan kesesakan. Apabila ditanya, pelbagai alasan diberi termasuk kesukaran mencari tempat meletak kenderaan di kawasan tersebut,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Justeru, Lip Chee menyatakan bahawa satu kajian sedang dijalankan bagi mengenalpasti tempat-tempat yang harus dijadikan zon kunci tayar ekoran terdapat banyak aduan daripada orang ramai mengenai kenderaan yang diletakkan di tepi jalan yang tidak sepatutnya terutama di kawasan pusat perniagaan baru.

“Siasatan mendapati, pemilik meletakkan kenderaan sesuka hati berhampiran premis perniagaan mereka. Hal ini sangat mendukacitakan orang ramai dan pihak MPSP kerana sikap mereka yang tidak bertanggungjawab dan hanya memikirkan kepentingan diri sendiri semata-mata,” tegas beliau.

Oleh itu, MPSP menyeru agar orang ramai lebih prihatin dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) agar perbuatan tersebut dapat dikekang sekaligus melancarkan perjalanan trafik untuk kepentingan semua pihak.

## Gagal sedia kolam cuci tayar lori di tapak pembinaan – pemaju didenda minimum RM500

**CONTOH** kolam takungan air untuk membasuh tayar lori yang keluar masuk tapak perumahan.



**SEBERANG PERAI** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) memandang serius mengenai permasalahan yang timbul akibat dari pada kegagalan pihak pemaju menyediakan kolam mencuci tayar lori di pintu masuk dan keluar tapak binaan sehingga membahayakan pengguna jalan raya lain.

Tayar-tayar lori yang tidak dibasuh semasa keluar daripada tapak-tapak perumahan yang masih dalam pembinaan menyebabkan jalan raya menjadi kotor kesan tanah merah dan menjadi penyumbang kepada faktor kemalangan terutama bagi pengguna motosikal.

Menurut jurucakap MPSP, Soon Lip Chee, siasatan telah dilakukan di tapak-tapak perumahan baru di daerah Seberang Perai dan didapati masih ramai pemaju yang melanggar peraturan ditetapkan pihak berkuasa

tempatan (PBT).

“Jika disabitkan kesalahan, pihak penguatkuasa MPSP berhak untuk mengeluarkan kompaun minima RM500 dan maksima RM1,000 di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kepada pemaju perumahan yang enggan mematuhi peraturan ditetapkan,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Di samping itu, beliau memberitahu, pihak penguatkuasa MPSP juga berhak untuk mengarahkan pemaju supaya menghentikan serta-merta sebarang kerja di tapak perumahan terlibat. Malah, terdapat segelintir pemaju yang didapati tidak memohon permit daripada Jabatan Kejuruteraan untuk kerja-kerja menambun tanah di tapak perumahan turut dikesan.

Bagi kesalahan tersebut, denda minima sebanyak RM1,000 boleh dikenakan terhadap pemaju perumahan



**KESAN tanah merah yang melekat di jalan raya yang boleh membahayakan pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal.**

## Laman sesawang MPPP raih anugerah cemerlang

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

**PUTRAJAYA** – Laman sesawang Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah memperoleh pengiktirafan tertinggi apabila dinobatkan Anugerah Cemerlang Malaysian Government Portals and Websites Assesment 2011 oleh Unit Pemodenan Awam (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri, di sini baru-baru ini.

Daripada jumlah keseluruhan 1,155 portals dan laman sesawang seluruh Malaysia yang dipertandingkan dan dinilai badan induk tersebut, MPPP telah mencapai tahap membanggakan dari segi *Information Technology (ICT)* dengan diberikan penarafan lima bintang. Ini adalah berdasarkan pembangunan perisian dan laman sesawang yang

memenuhi tahap serta piawaian yang telah ditetapkan sekaligus menjadikan MPPP menduduki tangga teratas di antara keseluruhan agensi kerajaan di Pulau Pinang khususnya.

Dalam pada itu, berlandaskan prinsip amalan polisi Cekap, Akauntabel, Telus (CAT) yang diadaptasikan dalam pentadbiran MPPP sekaligus melayakkan pertubuhan tersebut merangkul tempat kedua bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia.

Bukti kejayaan ini akan menjadi pendorong buat MPPP untuk terus berusaha menaikkan nama Pulau Pinang dalam semua aspek terutamanya untuk merealisasi hasrat menjadikan George Town sebuah bandar yang bertaraf antarabangsa.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.



**SETIAUSAHA** Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye (kiri sekali) mewakili MPPP menerima hadiah dan sijil penghargaan daripada Mohd Sidek Hassan (dua dari kanan) di Putrajaya baru-baru ini.

# Program Bandar Selamat MPPP panduan MBPJ



PARA pegawai MBPJ tekun mendengar taklimat ringkas oleh Penolong Pegawai Perancang Kanan MPPP, Mohamed Ghous Ibrahim (tengah) mengenai pelaksanaan ICT yang diaplikasikan oleh pihaknya bersempena lawatan kerja MBPJ ke sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Bagi mengkaji dan melihat sendiri keberkesaan pelaksanaan Program Bandar Selamat yang diformulakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), seramai lima Pegawai Perancang dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengadakan lawatan kerja ke sini baru-baru ini.

Kejayaan Pulau Pinang dalam mengurangkan kadar jenayah dua tahun berturut-turut telah menarik minat pasukan kerja tersebut melihat secara praktikal dan lebih dekat keberkesaan pembangunan *Information Technology* (ICT) dalam sistem urus tadbir Perbandaran Pulau Pinang amnya.

Pendekatan pelaksanaan pemasangan CCTV di kawasan-kawasan *hot spot* yang dikenalpasti dan pengenalan *kiosk keselamatan* yang menghubungkan orang awam dengan pihak polis tersebut adalah merupakan satu projek perintis yang telah berjaya dalam mengurangkan statistik kes jenayah jalanan di negeri ini.

Kerjasama erat di antara MPPP, Polis Diraja Malaysia (PDRM), badan bukan kerajaan (NGO) dan penduduk setempat telah menjadikan projek perintis berkenaan mencapai tahap yang disasarkan. Malah, dengan adanya kemudahan kawalan keselamatan menerusi pemantauan kamera litar tertutup (CCTV)

berteknologi tinggi sekaligus melengkapkan kemudahan infrastruktur sedia ada setanding dengan kemudahan di bandar-bandar antarabangsa yang lainnya.

Lawatan kerja tersebut telah menjadikan Pulau Pinang sebagai satu ikon pengurusan bandar yang dinamik dan berteknologi selaras dengan hasrat Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang amat membanggakan.



LORONG bertanda laluan basikal dikhaskan untuk keselamatan penunggang basikal.

## Usaha MPPP diiktiraf peringkat kebangsaan

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

**KUALA LUMPUR** – Usaha dan kesungguhan untuk menjadikan Pulau Pinang Bersih dan Hijau oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah diiktiraf oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan apabila pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut berjaya mengondol dua anugerah yang dipertandingkan pada Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) peringkat kebangsaan baru-baru ini.

Acara tahunan yang bertemakan *Sustainable*



TROFI dan sijil penghargaan yang dimenangi bagi kategori Kemudahan Laluan Basikal dan Sistem Pelupusan Kaedah Kompos oleh MPPP pada Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini.

*Development, Green Urbanisme* tersebut memberi fokus kepada peranan perancang sesebuah bandar bagi mengaplikasi dan memperkasakan teknologi hijau dalam merancang perbandaran.

Sebagai pengiktirafan dan galakan kepada usaha dan inisiatif kejiraninan hijau, Kementerian telah memberikan pengiktirafan kepada 12 PBT atas inisiatif yang dimainkan dalam menghadapi isu global tersebut. Terdapat tiga kategori yang dipertandingkan iaitu Rangkaian Jalan Kaki, Lorong Basikal dan Sistem Pelupusan Kaedah Kompos.

Melalui usaha Kerajaan Negeri dan MPPP memperbanyakkan laluan-laluan berbasikal di negeri ini dan mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor bagi jarak yang selesa telah membolehkan MPPP mengondol anugerah Kemudahan Laluan Basikal. Manakala, inisiatif mewujudkan tapak menghasilkan baja kompos daripada sisir makanan terbuang menggunakan sistem pengkomposan tatakura di Pasar Bayan Baru turut sama meraih anugerah Sistem Pelupusan Kaedah Kompos.

Kemenangan ini adalah sebagai satu pengiktirafan kepada semua usaha-usaha yang dilakukan MPPP dan pada masa sama, ia memberi satu impak positif dalam membina perbandaran yang hijau dan selamat untuk dihuni. Perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung.

## MPSP miliki panel peguam sendiri

**SEBERANG PERAI** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mempunyai panel peguam dan mahkamahnya sendiri bagi mewakili MPSP untuk menyaman atau disaman oleh pihak lain dalam pelbagai kes undang-undang.

Setiap tahun, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan bagi menampung kos-kos perbelanjaan kes-kes undang-undang di MPSP. Di bawah pimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) pada 2008, peruntukan telah diberi sebanyak RM250 ribu, diikuti RM150 ribu pada

2009, RM200 ribu pada 2010 dan RM200 ribu pada 2011.

Dalam pada itu, cara pembayaran yang kepada panel peguam MPSP dalam setiap kes yang diwakili adalah berdasarkan asas seperti otoriti atau nas keputusan mahkamah,

berdasarkan ‘*Rule 11 Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978*’ serta munasabah dan berpatutan.

Jadual berikut menunjukkan kes-kes yang telah dan sedang dikendalikan oleh pihak MPSP bermula tahun 2005:

TAHUN	KES MENANG	KES KALAH	KES AKTIF
2005	5	1	1
2006	4	-	2
2007	2	1	1
2008	6	-	-
2009	5	-	-
2010	5	-	5
2011	1	-	2

## Sambutan tahun baru penuh keakraban



GOLONGAN belia turut tidak melepaskan peluang mencuba sukan tradisi ‘lari dalam guni’ dalam penganjuran program JOM Geng Kita - Sukan rakyat di Padang Awam Pasir Gebu di sini baru-baru ini.

**BERTAM** – “Terima kasih banyak-banyak. Syukur sangat”. Itulah ungkapan Kamariah Alias, 33, yang merupakan salah seorang waris yang hadir ke Majlis Penyampaian Baucar Kelengkapan Persekolahan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam, di sini baru-baru ini.

Menurut Kamariah, sumbangan tersebut sekurang-kurangnya dapat meringankan beban beliau dan suami yang hanya berkerja sendiri sebagai pesawah. Beliau yang mempunyai empat anak turut menyatakan bahawa sokongan beliau terhadap program seumpama ini dan berharap ia dapat diperluaskan kepada bukan sahaja murid-murid sekolah rendah, malah, pelajar-pelajar di sekolah menengah.

Selain itu, Dirya Dhashaynee, 14, yang hadir bagi pihak adiknya Parriveena Sree, 8, turut menyatakan rasa terima kasih kepada Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Bertam, Asrol Sani dan JKKK Kampung Datuk yang tampil membantu mereka.

“Sumbangan dari Kerajaan Negeri ini adalah dengan harapan supaya anak-anak yang ingin menuntut ilmu mendapat keselesaan dan semangat untuk terus berusaha sehingga ke peringkat yang tertinggi (dalam pelajaran),” ujar Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Johari Kassim yang turut hadir menyampaikan sumbangan kepada lebih 30 waris yang hadir.

Menurut Asrol, sumbangan tersebut merangkumi sepasang pakaian seragam sekolah, kasut

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PENAGA** – Sambutan tahun baru 2012 baru-baru ini meriah dengan pelbagai aktiviti dan persembahan. Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga turut tidak ketinggalan menyambutnya. Namun, apa yang berbeza adalah aktiviti yang dijalankan sepanjang sambutan tahun baru tersebut yang sudah pastinya dapat mengeratkan hubungan masyarakat setempat.

Antaranya Program Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Penaga, Jelajah Masuk Kampung bersama Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Penaga anjuran JKKK Penaga dan PAS Cawangan Sungai Tembus yang memberi tumpuan kepada golongan asnaf. Kira-kira 30 individu terlibat dalam aktiviti membaiki rumah warga emas di Kampung Bakar Kapur dan pemberian bantuan makanan asasi kepada golongan asnaf di Kampung Padang Tembusu.

Selain itu, turut diadakan program Jelajah Orang

Muda (JOM) Geng Kita, KADUN Penaga yang merupakan program tunggal yang mengumpulkan pelbagai program di beberapa JKKK KADUN Penaga. Antaranya aktiviti berbasikal mengelilingi kampung, kunjungan rumah ke rumah dan edaran risalah Kerajaan Negeri.

“Saya pun kayuh juga keliling kampung.” ujar PPK Penaga, Rosidi Hussain ketika mengulas mengenai penganjuran rogram Jelajah Orang Muda (JOM) Geng Kita kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Aktiviti sukaneka yang dijalankan di Padang Awam Pasir Gebu turut mendapat sambutan menggalakkan terutama bagi persembahan seni silat dan tomoi.

“Di sini (Padang Awam Pasir Gebu), kita turut mengadakan pemeriksaan kesihatan percuma, perubatan as-syifa’ dan klinik gitar yang dikendalikan oleh Azuar Md. Tasi (Zua) dari kumpulan XPDC serta beberapa aktiviti sukan yang sememangnya dinanti-nantikan,” ulas Rosidi.

## Penduduk syukur bantuan persekolahan Kerajaan Negeri

dan sarung kaki. Beliau turut berharap agar sumbangan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan ia merupakan pendekatan Kerajaan Negeri dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja berjaya malah celik ilmu.

“Terima kasih kepada

Kerajaan Negeri, Ahli Majlis yang hadir dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di KADUN Bertam yang tidak pernah berputus asa membantu dalam meringankan beban rakyat,” ujar Asrol lagi.

**SALAH** seorang wakil JKKK Kampung Datuk yang hadir ke Dewan JKKK Permatang Serdang menerima baucar sumbangan daripada Johari Kassim (kiri sebelah) pada Majlis Penyampaian Baucar Kelengkapan Persekolahan bagi KADUN Bertam, di sini baru-baru ini.



## Sumbangan beg sekolah kepada murid-murid yang kurang berkemampuan

Oleh: **ZULIANA AZIZ**



**ABDUL** Jalil Che Ros (kiri sebelah) menyampaikan sumbangan beg sekolah kepada salah seorang penerima di rumahnya di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA** – Seramai 150 murid dalam lima kawasan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kadun Seberang Jaya telah menerima beg sekolah sumbangan daripada Yayasan Aman yang dipengerusi oleh Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail di sini baru-baru ini.

Lima kawasan yang terlibat ialah JKKK Tenggiri, JKKK Siakap, JKKK Semilang, JKKK Jalan Tun Hussein Onn dan JKKK Jalan Baru.

Dalam pada itu, baki 100 beg turut diagihkan kepada murid-murid bagi JKKK Kampung Pertama, JKKK Jalan Baru, JKKK Simpang Empat dan Permatang Rawa. Jumlah keseluruhan sebanyak 250 beg telah disumbangkan kepada murid-murid kurang berkemampuan bagi meringankan beban kos harga barang yang semakin meningkat.

Majlis penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh Pegawai Penyelaras Kadun Seberang Jaya, Abdul Jalil Che Ros bertempat di Pusat Khidmat Parlimen Permatang Pauh Kadun Seberang Jaya.



ASNAH Hashim (depan, berkaca mata) dan penerima-penerima menunjukkan tanda bagus selepas menerima sumbangan kelengkapan persekolahan di sini baru-baru ini.

**PERKASAKAN RAKYAT...** Prihatin dengan golongan tidak berasas baik, Pegawai Penyelaras Bayan Lepas, Asnah Hashim telah mengambil inisiatif khas untuk menyumbangkan kelengkapan persekolahan kepada 110 pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah yang memerlukan di kawasan berkenaan.

Antara kelengkapan yang disumbangkan adalah set alat tulis, beg sekolah dan baucar bernilai RM100 setiap seorang.

Penerima-penerima sumbangan adalah terdiri daripada anak-anak yatim dan dari keluarga kurang berkemampuan yang merangkumi 11 kawasan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) KADUN Bayan Lepas.

# 180 JKKK hadiri bengkel pemantapan Seberang Perai

**KEPALA BATAS** – Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman menyatakan bahawa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan terutama mengenai dasar-dasar yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Beliau berkata demikian ketika hadir pada pengajuran Bengkel Pemantapan dan Pengukuhan Pentadbiran JKKK bagi peringkat Seberang Perai. Turut hadir adalah Pengurus Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan yang juga merangkup Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng dan pegawai-pegawai penyelaras kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Perai yang dijemput khas.

Dalam pada itu, Pengarah Bengkel tersebut, Hafizi Mohamad, berkata, JKKK perlu memainkan peranan mengupayakan masyarakat luar bandar agar seiringan dengan perubahan dan perancangan pentadbiran kerajaan.

“Bengkel ini umumnya diadakan bagi memberi peluang kepada JKKK yang bermasalah untuk memperbaiki kelemahan dan berkongsi idea serta pandangan tentang pengurusan dan pentadbiran di peringkat JKKK itu sendiri,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Selain itu, bengkel sehari tersebut turut memberi pendedahan kepada JKKK tentang tatacara pentadbiran dan pengurusan serta memahami fungsi dan peranan yang perlu ada dalam sesbuah JKKK itu.

Sejumlah 90 JKKK dari daerah Seberang Perai Utara, JKKK dari daerah Seberang Perai Selatan (45) dan JKKK dari daerah Seberang Perai Tengah (45) turut serta dalam pengajuran bengkel berkenaan.

## Kempen Masyarakat Lestari promosi gaya hidup sihat

**TELUK BAHANG** – Kempen Masyarakat Lestari anjuran Pusat Khidmat Datuk Abdul Halim Hussain dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Teluk Bahang yang diadakan di Dewan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini telah berjaya menarik kehadiran lebih daripada 500 pengunjung.

“Kempen ini bukan sahaja untuk mempromosikan gaya hidup sihat, malah untuk memberi ruang masyarakat setempat mendampingi badan-badan kerajaan dan swasta serta merapatkan hubungan tetangga,” ujar Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain ketika mengulas mengenai pengajuran program berkenaan di sini baru-baru ini.

Kempen yang diadakan sehari tersebut lebih berbentuk santai dan berkonsepkan karnival. Malah kehadiran beberapa agensi kerajaan seperti Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang, MPPP, Jabatan Veterinar Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Bahagian Siasatan Jenayah, Polis diRaja Malaysia (PDRM)



ternyata menghidupkan suasana.

Selain itu, dalam kempen tersebut juga turut diadakan pertandingan mewarna yang disertai oleh kanak-kanak bawah 12 tahun dan pemeriksaan kesihatan percuma oleh Pejabat Kesihatan Daerah.

“Bersesuaian dengan tema

yang dipilih ‘Hidup Sihat Hargai Kehijauan’, kita turut menjemput Dr. Foo dari Klinik Kesihatan Bukit Mertajam untuk memberi penerangan kepada orang ramai tentang gaya hidup yang sihat dengan mengamalkan ‘Cleaner Greener Penang’ dalam semua aspek,” ujar Abdul Halim lagi.

**ABDUL Halim Hussain dan Senator Datuk Mustafa Kamal Mohd. Yusof (kiri sekalii) bergambar bersama motosikal milik H.M.C Motor Club sempena pengajuran Kempen Masyarakat Lestari di sini baru-baru ini.**



# KERAJAAN BERJIWA RAKYAT



**PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS . PROGRAM ANAK EMAS**

**PROGRAM RAKAN ANTI-KEMISKINAN**